

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 111 ● 16 - 22 APRIL 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

## MYSmart Wilayah 2030, hala tuju berkelas dunia

**M**ENGARISKAN 25 dasar utama, Pelan Induk Bandar Pintar Wilayah Persekutuan (MYSmart Wilayah 2030) semakin lancar dalam mengorak langkah pembangunan bandar pintar yang berkelas dunia.

Ini kerana, pelan yang diwujudkan itu membolehkan kesemua agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mempunyai hala tuju yang sama dan bergerak seiring mencapai visi yang ditetapkan.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, secara dasarnya, pelan yang baharu dilancarkan itu menfokuskan peningkatan kualiti hidup melalui penggunaan teknologi.

Jelas beliau, ia sekali gus dapat memperkasakan dan mewujudkan masyarakat pintar yang mesra dengan konsep digitalisasi dan inovasi.

Justeru, beliau berkata, Revolusi Industri 4.0, Internet of Things (IoT), Big Data, Artificial Intelligent (Ai) serta teknologi 5G akan diterapkan di kesemua agensi di bawah KWP.

BERITA LANJUT DI MUKA 2 DAN 3



ANNUAR melihat robot U05 berharga RM135,000. Hadir sama Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar (kanan) dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah (belakang).



Skim Bantuan Awal ke IPT Yayasan Wilayah Persekutuan >> 8



SuezCap jayakan pembangunan semula Kuala Lumpur >> 9, 10 & 11



Bufet  
Ramadan  
terbaik di  
Putrajaya  
>> 21

Wujud, perkasa masyarakat pintar melalui digitalisasi

# Tingkat ekonomi rakyat - Annuar

DIANA AMIR

**M**ENTERI Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa komited meningkatkan ekonomi rakyat menerusi kaedah pendigitalan dalam setiap transaksi jual beli secara atas talian.

Jelas beliau, usaha itu dapat direalisasikan menerusi Pelan Induk Bandar Pintar Wilayah Persekutuan (MYSmart Wilayah 2030) yang akan menjadikan kesemua agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) mencapai objektif yang sama.

Ini kerana, katanya, 25 dasar, 76 tindakan, 118 indikator dan 25 petunjuk prestasi utama (KPI) telah ditetapkan untuk panduan kesemua agensi terlibat.

"MYSmart Wilayah 2030 menggariskan tujuh dasar utama iaitu kerajaan pintar, ekonomi pintar, kehidupan pintar, persekitaran pintar, masyarakat

pintar, mobiliti pintar dan infrastruktur pintar.

"Secara dasarnya, ia fokus untuk meningkatkan kualiti hidup melalui penggunaan teknologi serta memperkasa dan mewujudkan masyarakat pintar melalui digitalisasi dan inovasi," katanya dalam sidang akhbar selepas pelancaran MySmart Wilayah 2030 pada Khamis.

Mengulas lanjut, Annuar memberitahu, panduan akan diberikan kepada agensi-agensi pelaksana ruang untuk bekerjasama dengan jabatan dan agensi di bawah KWP dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif bandar pintar melalui penerapan Revolusi Industri 4.0, Internet of Things (IoT), Big Data, Artificial Intelligent (Ai) serta teknologi 5G.

Beliau berkata, pelaksanaan MYSmart Wilayah itu juga akan memberi kesan positif terhadap kebajikan dan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan dari-



ANNUAR menyerahkan manual Pelan Induk MYSmart Wilayah 2030 kepada Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zin.

pada pelbagai aspek.

"Ekonomi rakyat dapat ditingkatkan menerusi

pelaksanaan ekonomi digital seperti memudahkan urusan perniagaan dan transaksi jual beli

secara atas talian.

"Dari segi pendidikan, program ini dapat membantu meningkatkan keupayaan platform pembelajaran secara pintar dan interaktif seperti kelas dan perpustakaan digital," tambahnya.

Berkenaan aspek keselamatan pula, ujar Annuar, rakyat dapat menikmati kehidupan bandar yang selamat dengan peningkatan instrumen seperti kamera litar tertutup (CCTV) dan panic button.

Ujarnya, penyediaan pelan kerangka bukti komitmen berterusan KWP dalam menulurusi arus gelombang revolusi digital dalam memastikan tadbir urus dan perkhidmatan WP lebih efisien dan efektif.

Ia merupakan program di bawah kerjasama KWP, PLAN Malaysia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan visinya mentransformasikan WP sebagai Smart City. **WK**

## Pemusatkan data bersistematis lancar urusan agensi, individu

**PENGURUSAN** maklumat yang lebih bersistematis, mudah dan berintegrasi dilihat penting pada masa ini bagi membolehkan sebarang urusan di agensi kerajaan dapat dilakukan dengan lancar.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, agensi kerajaan khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu mempunyai satu sistem pemusatan data.

Ujar beliau, dengan adanya sistem itu, pemantauan boleh dilakukan ke atas individu yang terlibat dalam sebarang kesalahan termasuk berkaitan trafik atau tidak membayar cukai pintu.

Ini kerana, jelas beliau, pada masa ini, kerajaan negeri masih tidak berjaya mengesan individu yang melakukan kesalahan berkenaan selepas mereka keluar dari kawasan PBT terlibat.

"Perlu teliti perkara itu untuk dapat penyelesaian. Seperti pengalaman saya sendiri ketika berada di negara luar, pihak trafik datang ketika saya berada di lapangan terbang yang mana perlu bayar dulu sebelum keluar.

"Sebaliknya, di negara kita, orang langgar-langgar peraturan dapat pulang ke negara dulu. Kita pun sukar untuk jejak," katanya



APLIKASI DBKL akan ditambah baik supaya terintegrasi bersama agensi lain.

dalam sidang akhbar selepas Pelancaran Pelan Induk MYSmart Wilayah 2030 pada Khamis.

Mengulas lanjut, Annuar berkata, langkah itu juga dapat menjimatkan tenaga seperti aspek pengurusan pencahayaan lampu di taman awam di samping pengurusan sistem e-tanah yang turut memudahkan masyarakat setempat.

Beliau juga memaklumkan, pengumpulan data itu boleh dikongsi antara wilayah dan bandar sekaligus membolehkan pelaksanaan atau tindakan dilakukan dengan lebih efisien termasuk pengesahan individu yang melakukan kesalahan.

Bagaimanapun, beliau

memberitahu, tidak kesemua data boleh dikongsi kerana ada yang bersifat 'homogen' dan bersyarat atau status tanah.

Annuar turut menegaskan pelaksanaan pemusatkan data itu bukan bertujuan menyekat kebebasan sebaliknya langkah awal untuk memantau dan memperingati kesalahan yang dilakukan individu.

Terdahulu, pada program itu, Annuar melancarkan Pelan Induk MYSmart Wilayah 2030 yang menggariskan 25 dasar, 76 tindakan, 118 indikator dan 25 petunjuk prestasi utama (KPI) melibatkan agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) serta tujuh komponen utama.





Infrastruktur berkeupayaan tinggi dokong sistem perhubungan kerajaan

# Digitalisasi urusan perbandaran

HAZIRAH HALIM

**S**EIRING dengan Visi MySmart Wilayah 2030 bagi menransformasikan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah wilayah pintar, tindakan dan pelaksanaan melalui pelan yang dirancang seharusnya memberi kemudahan dari aspek infrastruktur.

Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL), **Datuk Seri Mahadi Che Ngah**, pelaksanaan itu memerlukan keupayaan yang tinggi dan sistem perhubungan yang disokong oleh infrastruktur digital.

Jelas beliau, ia perlu bagi memudahkan urusan pentadbiran perbandaran di Kuala Lumpur atau mana-mana agensi perbandaran.

Justeru, kata beliau, pelan induk



MAHADI

yang dilancarkan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa bakal memberi kesan positif berikutnya pihaknya dapat melaksanakan program-program dan aplikasi baharu secara lebuh holistik.

"Banyak urusan blueprint (pelan induk) dapat dilaksanakan dengan menggunakan inovasi atau inisiatif MySmart Wilayah 2030," katanya ketika ditemui *Wilayahku* selepas majlis pelancaran pada Khamis.

Mahadi memberitahu, walaupun tidak semua perkara dapat dilakukan secara menyeluruh, kewujudan pelan induk itu sebenarnya dapat membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) mengatur serta menguruskan pelbagai urusan penting secara berperingkat.



DBKL mengoptimalkan penggunaan digital dalam setiap urusan berkaitan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Mengulas lanjut tentang aspek ICT, beliau berkata, sistem perhubungan yang didokong infrastruktur berkeupayaan tinggi mampu

dilaksanakan dengan jayanya tanpa gangguan.

Ini kerana, katanya, infrastruktur digital yang lengkap mampu menampung apa jua aplikasi ICT yang bertujuan memudahkan urusan pentadbiran perbandaran di Kuala Lumpur.

"Ini merupakan satu inisiatif yang saya rasa sesuai dengan keadaan moden yang berlaku di negara kita khususnya dalam aspek ICT."

"Kita juga mendapati, pada masa ini banyak sekali urusan harian kita disokong oleh perkembangan ICT," katanya. **WK**

**Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.**



## Labuan, Putrajaya bersedia bentuk bandar pintar berkelas dunia

USAHA ke arah pembentukan sebuah bandar pintar berkelas dunia giat dilakukan di Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya menerusi Pelan Rangka Tindakan Bandar Pintar Wilayah Persekutuan (MySmart Wilayah 2030).

Dalam tempoh lima tahun perlaksanaan pelan MySmart Wilayah 2030, Perbadanan Labuan telah menjalankan beberapa penambahbaikan melalui peruntukan bajet yang diberikan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Ketua Eksekutifnya, **Dr Fary Akmal Osman** berkata, pihaknya telah melakukan beberapa penambahbaikan melalui Fasa 1 Bandar Pintar, Sektor Pelancongan dan Sektor Pendidikan.

"Pihak kami mendapat peruntukan bagi melaksanakan MySmart Wilayah 2030 dan merancang untuk menyediakan tiang 'smartpool' sebagai amaran awal tsunami, indeks cuaca, isu-isu semasa melalui panel maklumat dan butang kecemasan bagi warga Labuan sekiranya menghadapi kecemasan."

"Bagi sektor pelancongan, kita sedang menuju status geopark Labuan dengan menggunakan teknologi aplikasi bagi memudahkan pelancong mendapat maklumat dan info-info terkini," katanya.

Dalam pada itu, mengulas tentang rangkaian 5G, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain berkata, perlaksanaan secara meluas dijangka akan mengambil tempoh lima tahun.

Ini kerana, katanya, pelaksanaan 4G mengambil masa lima tahun selepas dimulakan pada 2013.

"Kini Putrajaya telah mencapai 100



FARY AKMAL

peratus internet 4G dan kami merancang untuk meningkatkan rangkaian internet 5G menerusi Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bermula, 2022," katanya.

Menurut Muhammad Azmi, sebagai persediaan PPj turut menjalinkan kerjasama bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi untuk membangunkan infrastruktur telekomunikasi Putrajaya.

Ujar beliau, pihaknya juga menubuhkan Jawatankuasa Smart Putrajaya untuk memacu pelaksanaan Pelan Telekomunikasi Putrajaya bertepatan dengan halatuju bandar pintar.

"Liputan dan Infrastruktur 4G yang berkualiti dapat memberi sokongan rangkaian dan penyediaan kukuh untuk perlaksanaan 5G di Putrajaya yang akan bermula pada tahun 2022," katanya.

Kata Muhammad Azmi, sekiranya peningkatan kelajuan 4G melalui pembangunan infrastruktur berjaya dilaksanakan seperti yang dirancang, usaha ini mampu memberi manfaat kepada orang awam kerana kebanyakan masyarakat kini menggunakan peralatan 4G.

Tambahnya, ia secara tidak langsung, dapat membina keperluan infrastruktur 5G yang bakal dijalankan. **WK**

**Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.**



## Robot U05 bantu kerajaan kendali pesakit COVID-19, elak kena jangkitan

SABRINA SABRE

AKSI robot menari yang mencuit hati berjaya menarik perhatian pengunjung Majlis Pelancaran MySmart Wilayah 2030 di Kementerian Wilayah Persekutuan baru-baru ini.

Robot U05 berharga RM135,000 itu mempunyai kepintaran dan boleh membantu melakukan kerja manusia supaya mereka tidak berasa terganggu dalam menjalankan tugas.

Individu yang bertanggungjawab membawa teknologi kecerdasan buatan atau lebih dikenali sebagai Artificial Intelligence (Ai) itu adalah Ketua Pengarah Eksekutif, Yong Chong Soon, 60.

Menurut Chong Soon, tujuan asal beliau membawa masuk robot pintar ke Malaysia pada 2018 lalu adalah untuk meningkatkan taraf pendidikan di universiti dalam bidang Ai dan robotik.

"Jika dilihat di negara luar seperti China, mereka telah belajar mengenai teknologi Ai sejak di bangku sekolah rendah, tidak seperti di Malaysia, kita mula didekah semasa di peringkat universiti dan itu pun secara dasar sahaja," katanya kepada *Wilayahku*.

Menurutnya, robot MX-2 yang dihasilkan setinggi kira-kira 121.9 sentimeter berfungsi sebagai penghantar makanan dan barang itu, mampu menampung sehingga 50 kilogram.

Jelasnya, robot bernilai RM35,000 itu juga boleh digunakan di hospital pesakit COVID-19 sekali gus dapat mengurangkan kontak dan jangkitan



TEKNOLOGI kecerdasan buatan dalam bidang robotik perlu diketengahkan dan diperluaskan bagi membantu pekerjaan masyarakat masa depan.

antara individu.

Manakala robot U05 yang berharga RM135,000, ujarnya, ia mempunyai kebolehan untuk membantu tetamu di hotel bagi proses daftar masuk, berinteraksi dengan lif dan menjawab segala pertanyaan yang diajukan tetamu.

"Antara keistimewaan lain, robot ini boleh menari seperti yang dilihat sewaktu pelancaran MySmart Wilayah 2030 pada Khamis lalu," tambah Yong apabila ditanya mengenai keisimetewaan robot tersebut.

Ujarnya pelbagai teknologi yang digunakan dalam penghasilan robot ini adalah *Simultaneous Localization and Mapping (SLAM)*, *Learning Intelligent Distribution Agent*

(LIDA), *Android*, *REALTECH*, *Facial Recognition System*, *Voice to Text*, *Text to Voice* dan banyak lagi.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, penghasilan robot itu juga melibatkan kerjasama banyak pihak dan memorandum persefahaman (MoU) bersama Universiti Malaya (UM) ditandatangani pada 6 April 2021.

"Kita menggunakan pelbagai teknologi seperti Intel, ARM, Huawei, Microsoft, iFlytek, ArcSoft dan Unisound.

"Kita juga baru sahaja menandatangani MoU dengan UM untuk membuat penyelidikan dan pembangunan (R&D) mengenai program-program yang akan dimasukkan ke dalam sistem robot kita," katanya. **WK**

# DBKL kawal selia agihan makanan gelandangan

AZLAN ZAMBRY

**P**ERTUBUHAN bukan kerajaan (NGO) atau mana-mana individu diingatkan untuk tidak mengagihkan makanan kepada gelandangan secara terus di sekitar pusat bandar raya sepanjang Ramadan ini.

Dalam satu kenyataan semalam, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan bahan-bahan arahan itu dilaksanakan bagi mengelakkan pembaziran dan kekotoran selain bertujuan mengekang penularan wabak COVID-19.

"Aktiviti ini telah menjadikan lokasi-lokasi ini menjadi tumpuan gelandangan malah ada yang menjadikan kaki lima bangunan sebagai tempat tidur mereka.

"Antara lokasi yang sering menjadi tumpuan aktiviti ini adalah di hadapan Bank CIMB, Jalan Tuanku Abdul Rahman, sekitar Masjid Jamek Bandaraya, Jalan Petaling Central Market dan beberapa lokasi lagi," katanya.

Menurutnya, pengagihan makanan masih boleh diteruskan melalui tiga pusat gelandangan yang

telah ditetapkan iaitu Pusat Transit Gelandangan di Jalan Pahang dan Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tunku, serta Pusat Pembelajaran Komuniti yang terletak di Chow Kit.

Dalam pada itu, DBKL memaklumkan pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah berusaha dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk membantu golongan itu.

"Antaranya adalah dengan mewujudkan Pusat Transit Gelandangan dan Pusat Khidmat Gelandangan sebagai tempat bagi gelandangan ini mendapatkan perlindungan sementara serta mendapatkan bekalan makanan harian.

"DBKL juga telah melaksanakan program menyelamatkan gelandangan ini terutamanya ketika negara dilanda wabak COVID-19.

"Usaha ini turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti Yayasan Kebajikan Negara (YKN); Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); PDRM; RELA, Jabatan Kesihatan WPKL (JKWPKL), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan lain-lain," katanya.

WK



## NGO sokong garis panduan baharu DBKL

SITI N. ALI

**P**ERTUBUHAN bukan kerajaan (NGO) dan sukarelawan yang aktif mengagihkan makanan kepada golongan gelandangan di sekitar Ibu Kota menyokong langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mlarang aktiviti itu sepanjang Ramadan.



WILLIAM CHEAH

Pengerusi Persatuan Kebajikan Anak Kami, Suraya Ali yang berpejabat di Bangsar berkata larangan oleh DBKL itu akan membantu mengurangkan pembaziran dan pembuangan sampah yang tidak terkawal.

"Bukan sahaja di bulan Ramadan bahkan sepanjang tahun, berlaku pembaziran dan pembuangan sampah yang memburukkan imej Kuala Lumpur," katanya.

Selain masalah pembaziran dan pembuangan sampah, setiap tahun di bulan Ramadan

pasti ada pihak yang mengambil kesempatan atas kerja kebajikan dijalankan.

"Pasti ada sahaja yang akan berswafoto dengan gelandangan tanpa memikirkan sensitiviti atau privasi mereka," katanya.

Sementara itu, Datuk Munirah Abdul Hamid, Pengasas Pertiwi Soup Kitchen pulalah berpendapat larangan tersebut sepatutnya sudah lama dikuatkuasakan.

"Pembaziran dan pencemaran akibat edaran makanan kepada golongan gelandangan bukan masalah baru, sudah lama NGO yang aktif di sini menyuarakan masalah ini," katanya.

Tambah Munirah, masalah ini amat ketara sepanjang bulan ramadan namun tertumpu pada awal dan pertengahan bulan sahaja ketika warga kota masih berada di bandar sebelum



KEPUTUSAN DBKL melarang aktiviti mengagihkan makanan kepada gelandangan disambut baik NGO.

lum pulang ke kampung.

"Apabila mula hujung bulan dan semakin hampir dengan Hari Raya Aidilfitri, mulalah lengang tiada bantuan untuk golongan ini," katanya. Turut berkongsi pendapat sama ialah Pengasas Kembara Kitchen, William Cheah yang menyifatkan langkah DBKL itu sepatutnya dilakukan lama dahulu.

"Kami amat bersetuju kerana untuk pengetahuan anda, kami pernah melakukan tinjauan di Jalan Hang Lekiu pada bulan Ramadhan dan kami dapat antara jam 7 malam hingga 2 pagi pada hari bekerja, terdapat 13 kumpulan berbeza yang mengagihkan makanan di tempat yang sama kepada penerima yang sama," katanya. WK

### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@yayasanwp.org.my

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

#### PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri  
winwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Rosidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com  
Wong Siew Mun  
wongsiew.mun@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer6@gmail.com

#### Syahidi Bakar

dwilayahku@gmail.com

#### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annuar  
affandywilayahku@gmail.com  
Mohd Fadly Bharudin  
fadlybharudin@gmail.com  
Taufik Mohd Pauze  
kikkywilayahku@gmail.com

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan  
nazirulwilayahku@gmail.com  
Mohd Aminullah Farij Hasan  
aminwktv@gmail.com  
Azly Fariq Ramly  
azlyfariq@yayasanwp.org.my

#### PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan  
zuhairi@yayasanwp.org.my  
V Kumar Veeran  
veeran101@gmail.com

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@yayasanwp.org.my  
Jumaitul Laily Zakiah Ismail  
jumaitul@yayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm88@gmail.com

#### PELATIH INDUSTRI

Nur Sabrina Akmal Mohammad Sabre  
Nur Hazirah Mohamed Halim  
Diana Syuhada Mohd Amir  
Muhammad Adib Zailani



## Lorong Tuanku Abdul Rahman kembali gamat

LORONG Tuanku Abdul Rahman (LTAR) di ibu negara akan kembali gamat dan meriah tahun ini. Setelah dua tahun berpindah ke Jalan Raja, bazar Aidilfitri akan kembali ke tapak asalnya di LTAR. Ia bermula dari kawasan belakang Kompleks Campbell, Dang Wangi, hingga ke susur keluar persimpangan Jalan Masjid India.

Menyertai bazar Aidilfitri ke Jalan Raja dahulu pada dasarnya tidak menggembirakan para peniaga. Mereka menyifatkan lokasi baharu itu sebagai tidak kondusif dan kurang menarik. Pembeli juga kurang berminat berjalan jauh untuk sampai ke lokasi.

Ramai peniaga melaporkan jualan merosot di Jalan Raja berbanding ketika bernaaga di LTAR. Mereka memberi anggaran kemerosotan ini hingga mencecah hampir separuh daripada apa yang mereka peroleh ketika bernaaga di LTAR.

Annuar yang prihatin dengan keluhan peniaga, juga pembeli, membuat keputusan positif membenarkan mereka kembali beroperasi di kawasan di mana mereka mampu memperoleh pendapatan lebih baik.

Sejak dengan bazar Aidilfitri di LTAR itu, tapak tradisi pasar malam LTAR yang beroperasi setiap Sabtu akan beroperasi di Jalan Tuanku Abdul Rahman (JTAR) di sepanjang bulan Ramadan.

Sekali lagi kemeriah akan bergema di sepanjang LTAR dengan pelbagai gimik para penjual menjual barang untuk menarik pengunjung. Datanglah beramai-ramai tetapi pastikan patuh SOP COVID-19 seperti pemakaian litup muka dan penjarakan fizikal.

## Sikap 'yes man' tidak sesuai

MENTERI LUAR, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mahu ahli UMNO berhenti daripada melaga-lagakan pemimpin termasuk percubaan untuk mewujudkan kem tertentu.

Ahli Parlimen Sembrong itu berpendapat, yang penting dilakukan pada masa ini ialah mengukuhkan parti dan memastikan parti stabil. Kerana itu perbuatan yang boleh mengugat dan mencalar perpaduan parti hendaklah dihentikan.

Sementara ini satu saranan yang baik, ia juga merupakan satu pengakuan bahawa kedudukan UMNO kini dalam kemelut. Ini juga pernah disuarakan oleh Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin sebelum ini.

Sukar dinafikan kini wujud suara menentang arus dalam parti berhubung beberapa isu sehingga dilihat seperti wujud kem tertentu. Misalnya isu pemilihan pucuk pimpinan parti dan kerjasama parti itu dengan parti berteras Melayu seperti Bersatu.

Terbaru isu audio tular yang didakwa sebagai perbualan antara Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Presiden Keadilan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menimbulkan kesangsian dan persoalan di kalangan ahli parti.

Isu-isu seperti inilah yang sebenarnya menyebabkan wujud perbezaan pendapat dalam UMNO yang wajar diambil berat dan diatasi secara berwibawa oleh pucuk kepimpinan.

Perlu diingat ahli-ahli UMNO daripada pelbagai peringkat kini sudah semakin berani menyuarakan pandangan, termasuk yang tidak sealiran dengan pucuk kepimpinan. Pandangan sebegini tidak harus dianggap sebagai usaha memecahkan belahan parti.

Sebaliknya anggapan ia sebagai proses kematangan dan sejarah dengan prinsip demokrasi. Untuk maju dan menjadi lebih kukuh, UMNO wajar bersikap terbuka dan menilai setiap pandangan pro dan kontra dengan saksama. Sikap 'yes man' sudah tidak sesuai lagi pada era ini.



## Sambutan Kemeriahkan Hari Raya

16 April - 16 Mei 2021

### Ganjaran Kemeriahkan Raya

Belanja RM500 dan ke atas tidak melebihi 2 resit di kedai-kedai terpilih untuk menerima selendang eksklusif dan satu paket sampul Raya Alamanda.\*



\*Tertakluk kepada termasuk dan syarat. Sementara stok masih ada. Imej yang ditunjukkan hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja.  
Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi Kaunter Concierge atau hubungi +603- 8888 8882.

Sertai kami di [Facebook](#) [Instagram](#) [AlamandaShoppingCentre](#) [www.alamanda.com.my](#)

# Pelajaran daripada Ciudad Neza



DATUK BUDIMAN  
MOHD ZOHDI

**S**ECARA umumnya pandangan kita terhadap kawasan setinggan bandar adalah merosakkan pandangan dan memberi cerminan buruk terhadap imej negara, atau setidak-tidaknya imej bandar di mana kawasan itu berada.

Sukar untuk tidak bersetuju dengan pandangan itu. Rumah-rumah yang sesak, tidak teratur, beraneka bentuk dan ragam, tanpa ciri keselamatan, tanpa sistem sanitasi yang sempurna adalah imej yang payah dikenakan daripada kawasan penempatan seperti itu.

Tidak ada bandar yang gembira dengan kewujudannya dan tidak ada kejiranian yang selesa dengan kehadirannya.

Tetapi sepercaya yang kita lupa adalah hakikat bahawa kawasan penempatan miskin ini ada peranannya. Ia menyumbang dengan caranya sendiri terhadap pembangunan sesebuah bandar.

Ia mungkin meloyakan pemandangan, tetapi jangan lupa bahawa di situ lah sebahagian daripada penghijrah memulakan kehidupan.

Kawasan-kawasan setinggan, di mana-mana sahaja, mampu menawarkan apa yang tidak mampu ditawarkan oleh kawasan-kawasan lain.

Rumah atau bilik yang murah, bebas daripada fi penyelenggaraan, fi keselamatan dan seumpamanya.

Bakal penghuni tidak perlu memikirkan tentang sebulan sewa dua bulan deposit plus deposit air dan deposit api.

Dengan sejumlah deposit pukal yang jarang melebihi sebulan sewa, dia sudah boleh mengangkut anak isterinya tinggal di situ.

Ruang mungkin terhad. Keselesaan mungkin tidak ada. Tetapi bagi yang redha, ia adalah lebih baik daripada terpaksa tidur di kaki lima atau menumpang di rumah saudara.

Di mana-mana pun sikap pengguna terhadap penempatan setinggan adalah sama. Ia adalah penyakit. Ia perlu dinyahkan. Maka meroboh rumah-rumah setinggan sentiasa menjadi sebahagian daripada agenda utama.

Langkah itu sebetulnya wajar. Dalam kebanyakan kes, perobohan tidak dilakukan secara zalim.



CIUDAD Neza merupakan kisah kejayaan menukar kawasan setinggan menjadi penempatan baru hasil pembangunan semula bandar di Mexico.

Penghuni penempatan mungkin diberi sedikit pampasan, atau dipindahkan ke tempat lain; yang kadang kala dari segi ruang dan keselesaan tidaklah lebih baik daripada yang 'disediakan' oleh penempatan tersebut.

Itu cara kita menyelesaikan masalah. Mudah. Yang jarang kita fikirkan ialah langkah itu menyebabkan para penghijrah yang mencari penghidupan baharu di bandar akan berdepan dengan masalah untuk mendapatkan tempat transit yang sesuai.

Daripada berpeluang menyewa rumah atau bilik dengan bayaran serendah RM100 atau RM150 sebulan, mereka mungkin terpaksa mengeluarkan RM300 hingga RM500 sebulan untuk mendapatkan tempat tinggal di kawasan-kawasan perumahan bukan setinggan.

Dari satu segi ia bukanlah percaturan yang betul. Kita mungkin senang hati melihat bandar-bandar kita bersih daripada penempatan setinggan yang tidak teratur, tetapi pada masa yang sama dan di luar sedar kita sedang membantu meramaikan lagi jumlah orang miskin bandar.

Kiasan mudahnya ialah kita menghapuskan orang-orang senang di rumah papan untuk membiakkan orang susah di rumah batu!

Jika tinggal di perkampungan setinggan, sebuah keluarga yang pendapatan isi rumah RM2,000 memerlukan masa lima atau enam tahun untuk menjadi 'senang sedikit' sebelum berpindah keluar dari kawasan itu bagi mendiami

penempatan yang lebih baik, mereka mungkin memerlukan tempoh yang sekali ganda lebih lama jika terpaksa memulakan hidup di kawasan perumahan kos rendah atau kos sederhana.

Keperluan akan berbeza. Kos kehidupan lazimnya akan menjadi lebih tinggi secara automatik.

Ada ketikanya kita perlu berfikir di luar kotak. Tanpa maksud menggalakkan pertambahan jumlah setinggan bandar, satu usaha percubaan mungkin boleh dibuat untuk menyusun semula penempatan-penempatan setinggan terpilih bagi menjadikan ia pusat transit untuk penghijrah-penghijrah yang benar-benar layak.

Meningkatkan kemudahan asas, menyediakan kemudahan-kemudahan baharu, menstruktur semula sistem penempatan termasuk premis-premis kediaman, menguatkuasakan sistem kawalan dan seumpamanya adalah lebih baik daripada terus bertindak merobohkannya.

Jika khatir penempatan itu akan menyumbang kepada rantaian gejala sosial lain, maka segeralah kenal pasti bentuk gejalanya dan segera ambil langkah-langkah pencegahan sejak dari mula.

Ciudad Neza, kependekan dari Nezahualcóyotl asalnya adalah sebuah penempatan haram di Mexico. Ia bermula sebagai dasar Danau Texcoco yang dikeringkan bagi mengatasi masalah banjir selama beratus-ratus tahun. Tanahnya terlalu masin untuk dijadikan tapak pertanian.

Ledakan migrasi bandar

**“ Dari satu segi ia bukanlah percaturan yang betul. Kita mungkin senang hati melihat bandar-bandar kita bersih daripada penempatan setinggan yang tidak teratur, tetapi pada masa yang sama dan di luar sedar kita sedang membantu meramaikan lagi jumlah orang miskin bandar. ”**

pada pertengahan abad ke-20 menyaksikan pendatang baharu ke Neza mendirikan rumah-rumah kayu dan kadod di kawasan tapak tasik itu.

Mereka menempatinya secara haram, tanpa elektrik, tanpa sistem kumbahan atau air mengalir, tanpa sekolah atau jalan berturap.

Pada suatu masa bas memasuki kawasan itu setiap dua jam sekali. Kadang kala lebih lama lagi.

Sebahagian kawasan itu menjadi tempat pembuangan sampah, berlumpur dan dipenuhi serangga berbisa.

Bau busuk boleh dihidu di mana-mana dan ia adalah cerminan kepayaan hidup penduduk-penduduk di situ. Itu dahulu.

Sekarang, hasil perjuangan penduduknya, dengan sokongan aktivis-aktivis kemasyarakatan, kawasan setinggan yang pernah dilabelkan sebagai antara yang terbesar di dunia itu memiliki wajah yang berbeza.

Sikap kerajaan yang memilih untuk tidak berperang dengan penduduk membolehkan penghuni-penghuni Ciudad Neza menikmati banyak kemudahan yang sebelumnya tidak pernah dimimpikan mereka.

Malah kawasan setinggan itu sekarang telah berkembang menjadi sebuah bandar baharu di pinggir Mexico City dengan jumlah penduduknya melebihi 1 juta orang.

Warga Ciudad Neza yang asalnya orang-orang miskin dari luar

bandar yang mencari sinar baharu sekarang ini menikmati kehidupan yang lebih selesa.

Ramai yang berkata, mereka tidak mahu berpindah dari situ walaupun suatu masa dahulu mereka sentiasa berharap mendapat peluang tinggal di tempat lain.

Imej kawasan penempatan itu sebagai 'tempat pencuri balik tidur' beberapa dekad lalu telah berjaya dihapuskan berikutkan langkah-langkah penyusunan semula masyarakat yang diambil.

Pada masa yang sama 'bandar setinggan' itu terus menjadi tempat singgah sementara pendatang-pendatang baharu ke Mexico City.

Sebagiannya kekal di situ, manakala sebahagian yang lain berpindah ke kawasan-kawasan yang lebih baik setelah kehidupan agak stabil.

Kita mungkin tidak memerlukan Ciudad Neza. Tetapi tidak salah jika kita menjadikan ia model dalam usaha-usaha yang diambil untuk menangani kemiskinan bandar dan kepayaan yang datang bersamanya.

**Nama kolumn 3M adalah singkatan kepada Melawan Maksud Miskin yang akan memfokuskan isu berkaitan kemiskinan**



## MENTARI DI RUANG USIA

Mentari yang menyalah mentari yang menyalai mentari yang membakar memamah usia diri menelan waktu peribadi.

Senja berlabuh di ufuk hayat senja berlabuh di hujung makna senja mentup aib mentari senja membuka pelayaran malam senja mencari erti putih dan hitam pada perjalanan yang masih kelam.

Malam yang putih mencari citra kehidupan dalam sujud pengabdian merungkai kusut persoalan yang bersimpang siur bagi garis tanpa sempadan. Dalam rona rona pencarian indah dan manisnya abadi seluruh kasih maknawi.

**Fadhlina Ahmad Basri**  
10 April 2021

[t.me/wilayahku](https://t.me/wilayahku)



IMBAS KOD QR

**SERTAI SALURAN TELEGRAM**

**Wilayah Ku**

**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**

Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

# Ramadan: Usah membazir makanan

MASIH berfikir apa juadah untuk hidangan berbuka puasa petang ini, hari keempat berpuasa? Yang berhasrat memasak sendiri juadah di rumah tentu memikirkan apa menu yang sesuai untuk seisi keluarga. Apa kuih muih yang hendak dibuat dan apa lauk pauk yang mahu dimasak.

Oleh kerana bazar Ramadan dibenarkan tahun ini, ramai pula yang merancang untuk ke bazar Ramadan membeli juadah keperluan.

Ini selalunya dipanggil menu ‘tunjuk’. Tunjuk sahaja makanan dan minuman dihajati, bayar dan pulang menunggu waktu berbuka.

Adi difahamkan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meluluskan operasi bazar Ramadan di 65 lokasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mulai 1 Ramadan lalu, bermula pukul 3 petang hingga 8 malam.

Oleh kerana ramai peniaga di bazar Ramadan menjual pelbagai jenis makanan, Adi percaya ramai pula yang akan rambang mata memilih.

Kerana ketika itu dalam keadaan lapar, apabila mata memandang pelbagai jenis juadah yang dijual, rasanya mahu sahaja membeli banyak makanan yang berkenan di hati.

Inilah antara godaan yang dihadapi di bulan Ramadan. Yang berkunjung ke bazar ada yang mengikut rasa hati membeli terlalu banyak makanan. Di rumah pula, ada yang memasak makanan sehingga melebihi keperluan.

Ini semua didorong oleh ‘lapar mata’ yang tidak semestinya selari dengan lapar perut ketika berbuka. Kerana makanan banyak, dan pilihan pebagai, selalunya menyebabkan makanan tidak habis.

Kerana itu Adi ingin menasihati warga Wilayah Persekutuan khususnya agar menghindarkan tabiat membazir di bulan Ramadan ini. Jangan boros berbelanja membeli makanan atau memasak terlalu banyak makanan semata-mata untuk memenuhi nafsu.

Dalam keadaan negara dilanda pandemik COVID-19, dan ramai terkesan seperti hilang sumber pendapatan, berjimatlah ketika berbelanja.

Beliah makanan dan minuman atau masalah di rumah sekadar yang diperlukan. Dengan cara ini perbelanjaan boleh dijimatkan.

Jangan hanya kerana bazar Ramadan dibenarkan tahun ini, orang ramai berpusu-pusu ke sana membeli pelbagai barang tidak perlu untuk ‘membalas dendam’ kerana bazar tiada tahun lalu.

Adi berharap warga kota

**“Ini menunjukkan penjual makanan juga ‘membazir’ dalam penyediaan makanan. Kerana itu selain menyediakan makanan berkualiti dan selamat, peniaga dan pembeli perlu merancang penjualan dan pembelian yang perlu sahaja agar tidak membazir.”**

mengambil iktibar betapa banyak berlaku pembaziran makanan, khususnya di bulan Ramadan.

Menurut penyelidikan pernah dibuat oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), antara penyumbang kepada peningkatan pembaziran makanan ialah bazar Ramadan.

Bazar Ramadan yang besar iaitu antara 200 hingga 300 gerai, menyumbang kepada purata pembaziran sehingga 200 kilogram makanan setiap hari. Bazar Ramadan bersaiz sederhana mencatatkan pembaziran antara 80 hingga 100 kilogram sehari.

Pembaziran ini terutamanya adalah makanan yang tidak terjual di bazar. Para peniaga yang teruja berniaga dengan menyediakan pelbagai makanan dan minuman sering kali mendapati barang jualan tidak habis.

Adi difahamkan Malaysia membuang lebih 15,000 metrik tan makanan setiap hari manakala 3,000 metrik tan daripadanya masih boleh dimakan.

Ini menunjukkan penjual makanan juga ‘membazir’ dalam penyediaan makanan. Kerana itu selain menyediakan makanan berkualiti dan selamat, peniaga dan pembeli perlu merancang penjualan dan pembelian yang perlu sahaja agar tidak membazir.



BUFET antara pilihan hidangan yang selalu berlebihan dan menyebabkan pembaziran apabila tidak habis di makan.

Jika masyarakat menghargai makanan dan insaf betapa ramai di negara lain yang tidak cukup makanan, malah kebuluran, mereka pasti menerapkan dalam diri untuk menghargai makanan dan mengurangkan pembaziran.

Kerana lebih banyak pembaziran makanan berlaku di bulan puasa, Adi berharap pada bulan puasa ini tahun ini ia tidak berlaku lagi atau sekurang-kurangnya dapat dikurangkan.

Bagi penjual makanan yang jualannya tidak habis dan masih elok, lebih baik salurkan kepada yang memerlukan daripada membazir dibuang.

Bulan puasa bukan waktu untuk bermewah dengan pelbagai jenis makanan, tetapi adalah waktu untuk menambah amal ibadat.

## TAMAN TEMA, SAFARI MERIAHKAN PUTRAJAYA

Bayangkan kehebatan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan, Putrajaya, yang bakal mempunyai sebuah taman tema bersepadu dengan kawasan safari bertaraf antarabangsa

bernilai RM500 juta. Tentu Putrajaya akan lebih meriah dan ceria dengan tarikan terbaru ini.

Memetik Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, projek berskala besar ini akan dibangunkan oleh pihak swasta. Pembentangan idea dan konsep untuk penilaian kepada Perbadanan Putrajaya (PPJ) telah pun diluluskan.

Ini bererti lampu hijau sudah diberi. Jika semua berjalan menurut jadual, projek pembinaan taman tema dan safari ini bakal dimulakan selewat-lewatnya hujung tahun ini. Adi difahamkan, sebidang tanah berkeluasan 160 ekar (65 hektar) di Presint 19 telah disediakan untuk tujuan ini.

Untuk menambah kehebatan taman tema ini, ia juga akan dilengkapi dengan kereta kabel, calet, hotel dan factory outlet. Kesemua ini merupakan tarikan pelancong, bukan sahaja bagi warga tempatan tetapi juga luar negara.

Bagi Adi, tepat sekali langkah yang diambil oleh PPJ ini untuk ‘menghidupkan’ Putrajaya yang menjadi bandar sunyi selepas waktu pejabat berakhir, atau pada hari-hari cuti dan hujung minggu disebabkan tidak banyak tarikan untuk pengunjung.

Tarikan yang ada sekarang terhad, misalnya Taman Botani dan Wetland. Lagi pun kawasan seperti ini lebih tertumpu hanya kepada kelompok pencinta alam, bukan tarikan untuk keluarga atau orang ramai pelbagai peringkat umur dan kanak-kanak.

Taman tema bersepadu dengan taman safari bakal menyerlahkan kelainan di Putrajaya. Sementara konsep

taman tema atau *theme park* mungkin sudah tidak asing kepada orang ramai, taman safari dianggap sesuatu yang baharu. Pastinya ramai ternanti-nanti pengisianya nanti.

Kereta kabel juga tarikan menarik. Suatu ketika dahulu dalam tahun 70-an, ada kereta kabel di Bukit Nanas, Kuala Lumpur, sebagai tarikan pelancong. Sayangnya kini sudah lama tiada. Kereta kabel di Putrajaya nanti bakal menjadi ganti. Bolehlah merasai keseronokan menaiki kereta kabel di sini, bukan hanya di Genting atau Pulau Langkawi.

Factory outlet, di mana juga letaknya di negara ini, sentiasa menjadi tarikan ramai untuk membeli belah. Pastinya kewujudannya di Putrajaya juga mampu menarik ramai datang berbelanja memandangkan terdapat banyak pilihan di outlet tersebut, samaada pakaian atau pelbagai aksesori lain.

Adi percaya, semua tarikan baharu yang dirancang, seiring dengan pembangunan Perkampungan Al-Quran, akan menjadi mercu tanda yang bakal menceria dan memeriahkan Putrajaya, menjadikannya kota pusat pentadbiran, riadah dan rekreasi serta pelancongan.

- Adi Tuah

## SAJAK

### PADA BASAH RANAH RAMADAN

Selepas lebatnya hujan Rejab dedaun Syaaban mulai gugur pada basah ranah Ramadan ada rindu tergantung di ranting ketika senja pulang ke sarang tanggalkan semua mimpi sejulur cahaya putih di ufuk Ramadan

Rindu ini cuma sehelai kertas lusuh renyuk di permainan waktu di masjid kota bersesak-sesak mungkin menadah reda di rimbun khilaf langit terang meneduh purnama lantunan firman mengebumikan kenangan izinkan esok singgah sebentar melihat mentari Ramadan bersinar...

Tuhan,  
sejenak di sini  
mengemis sisa-sisa pahala  
pada setiap detik yang tiba  
tiada yang lebih pedih  
memujuk debar pulang  
air mata mengebumikan kenangan  
izinkan esok singgah sebentar  
melihat mentari Ramadan bersinar...

Edin Hud Hud  
Sekolah Kebangsaan Alam Damai Cheras Kuala Lumpur.

## SKETSA



Skim Bantuan Awal ke IPT

# Rezeki Ramadan saya - Muhammad

AZLAN ZAMBRY

**M**ENERIMA sumbangan Skim Bantuan Awal ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) menjelang bulan Ramadan adalah rezeki yang tidak dijangka bagi **Muhammad Iskandar Azlan**, 23, pelajar jurusan perniagaan Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Baginya, sumbangan tersebut dapat membantu meringankan beban kedua ibu bapanya memandangkan mereka perlu menanggung seorang adiknya yang masih menutut.

Muhammad Iskandar berkata, beliau hanya mengetahui mengenai bantuan ini melalui seorang saudara kerana tidak pernah mengetahui Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mempunyai skim bantuan untuk melanjutkan pelajaran.

"Sebelum ini, semasa menuntut di peringkat Diploma, saya pernah menerima bantuan tunai daripada Baitulmal.

"Apabila menyambung pengajian



MUHAMMAD ISKANDAR



**YAYASAN**  
WILAYAH PERSEKUTUAN

ke peringkat Ijazah Sarjana Muda, saudara saya telah memperkenalkan mengenai Bantuan ke IPT oleh YWP.

"Saya kemudian menghantar borang permohonan dan menunggu kira-kira sebulan sebelum dihubungi pihak YWP untuk majlis serahan bantuan," katanya kepada Wilayahku pada Selasa.

Katanya, beliau memanjatkan kesyukuran kerana diberi bantuan ini dan menganggapnya sebagai rezeki Ramadan pada tahun ini.

"Bantuan ini dapat membantu saya dalam urusan pelajaran. saya akan memanfaatkan bantuan ini dengan baik."

"Saya juga akan ingat nasihat yang agar tidak mensia-siakan bantuan yang diberikan dan belajar bersungguh-sungguh agar dapat membantu keluarga satu hari nanti," katanya.



NUR Iezati Hazwani Ruzalan (kiri) menerima cek daripada Datuk Zaizalnizam Zainun pada program Skim Bantuan Awal ke IPT Isnin lalu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata, pihaknya telah memperuntukkan kira-kira RM1 juta untuk dana Skim Bantuan Awal ke IPT pada tahun 2021.

"Sehingga hari ini, kita telah membelanjakan kira-kira RM18,500 dan masih ada lagi baki peruntukan

diberikan adalah tidak sama dan ia mengikut peringkat pendidikan masing-masing serta ia berbeza sekiranya belajar di universiti luar negara.

"Jumlah bantuan yang diberikan untuk peringkat Diploma adalah RM500, Ijazah Sarjana Muda dalam negara, RM1000; Ijazah Sarjana, RM1500 dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), RM2000.

"Manakala untuk Ijazah Sarjana Muda luar negara, RM3000, Ijazah Sarjana, RM4000 dan Ijazah PhD, RM5000," katanya.

Tambahnya, para pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran yang mempunyai latar belakang keluarga yang betul-betul memerlukan, boleh berhubung dengan YWP atau menyemak laman web <https://www.yayasanwp.org> untuk maklumat lanjut. WK

Imbas kod  
QR  
untuk  
tonton  
video  
berita ini.



## Lebih 130,000 iklan haram diturunkan DBKL

NAZWIN NAZRI

**DIANGGARKAN** lebih 1,500 poster dan papan iklan haram diturunkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) setiap hari, bermula awal Januari lalu.

Berdasarkan laporan statistik DBKL, sejumlah 131,807 poster dan papan iklan diturunkan dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Daripada jumlah itu, Parlimen Seputeh merekodkan jumlah poster haram paling tinggi iaitu 27,572 diikuti Cheras, 23,611 dan Bandar Tun Razak, 23,469.

"Penurunan iklan haram oleh DBKL itu dilakukan di 11 kawasan Parlimen sepanjang tempoh tiga bulan pertama 2021.

"Ia susulan maklumat dan kerjasama daripada pihak awam," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Difahamkan, menampal dan memasang iklan haram adalah kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil (Wilayah Persekutuan) 1982 dan Undang-Undang Kecil Vandalisme (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1991.

Mengikut undang-undang yang diperuntukkan itu, pelaku hanya perlu membayar denda maksimum RM2,000 sahaja. WK



PENGUATKUASA DBKL membuang poster iklan haram yang ditampal sehingga mencatatkan pemandangan kawasan sekitar.



## FarahAlya penuhi kehendak muslimah moden, sofistikated

**TAMPIL** dengan rekaan sopan, jenama FarahAlya pastinya menepati citara muslimah masa kini yang mahukan konsep menutup aurat namun masih mempamerkan konsep elegan dan sofistikated.

Lebih menarik apabila rekaan sulung yang diberi nama Zyzah itu, turut mempunyai ciri-ciri 'mesra muslim' apabila zip di tangan memudahkan kaum hawa mengambil wuduk manakala zip di bahagian hadapan busana sesuai untuk ibu menyusukan bayi.

Pengasasnya, Datin Hamizan Puteh berkata, sebagai sebuah jenama baharu, FarahAlya akan terus mengorak langkah untuk memberi keselesaan kepada kaum hawa yang mementingkan gaya dan rekaan menarik dalam kehidupan penuh kemodenan.

Malah katanya, rekaan sulung sempena Hari Raya Aidilfitri nanti adalah berdasarkan pengalaman peribadinya yang sukar mendapatkan pakaian muslimah dengan konsep fesyen terkini.

"Saya suka berfesyen, tetapi agak payah untuk mendapatkan pakaian yang menawarkan elemen muslimah.



REKAAN Zyzah bercirikan mesra muslim.

"Oleh itu, saya terfikir kenapa tidak saya sendiri yang mengeluarkan jenama pakaian muslimah. Setidaknya saya tahu apa yang dimahukan wanita," katanya ketika Majlis Pelancaran Jenama FarahAlya, baru-baru ini.

Bercerita lanjut tentang jenama baharunya itu, Hamizan memberitahu, nama FarahAlya diambil daripada nama anak sulungnya yang kini sedang menutut di Australia.

Katanya, rekaan pertama akan menampilkan lima pilihan warna dan empat size iaitu S, X, M dan XL serta dijual pada harga RM129. WK

REALITI KEHIDUPAN



Wilayah Ku

# SuezCap jayakan pembangunan semula KL

**NAZWIN NAZRI**

**P**EMBAHARUAN semula bandar (PSB) ditakrifkan sebagai "suatu program komprehensif dan bersepada untuk tempoh jangka panjang bagi menangani isu kemelesetan ekonomi, keusangan fizikal, persekitaran dan sosial bandar yang diselaraskan dengan visi dan dasar pembangunan kerajaan". Namun, pelaksanaannya tidak semudah yang disebut kerana pelbagai cabaran terpaksa dilalui pemaju termasuk tentang daripada sebahagian penduduk setempat selain campur tangan politik.

Bagaimanapun, keupayaan syarikat pemaju Suez Domain Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat SuezCap Holding berjaya membuktikan pembangunan semula boleh dilakukan terutama di kawasan berkepadatan tinggi, Kuala Lumpur.


Ia dilaksanakan menerusi projek pembangunan semula Flat Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur yang kini berdiri gah di samping KL Gateway Mall.

Pembangunan semula itu bukan hanya menaiktaraf kehidupan warga setempat tetapi memberikan pulangan yang tinggi apabila mereka berjaya mempunyai aset bernilai lebih RM500,000.

Ia juga sejarah matlamat utama pembangunan semula dilakukan iaitu pemulihan kawasan perumahan bagi golongan berpendapatan rendah dan menengah di samping mewujudkan peluang pekerjaan serta memperbaharui bandar lama yang terdiri daripada bangunan usang.

**BERSAMBUNG DI MUKA 10, 11**

# Bakal bangunkan Kampung Sungai Baru, PPR Seri Pahang Tiga projek dalam kendalian SuezCap



PENDUDUK Flat Kampung Kerinchi (kiri) berpindah ke kediaman baharu Residensi Kerinchi (kanan) pada 2016.



**N**AMA SuezCap Holding pastinya tidak asing apabila carian dilakukan berhubung pembangunan semula.

Ini kerana, syarikat yang sudah bertapak lebih 25 tahun dalam bidang harta tanah itu berjaya membangunkan semula Kampung Kerinchi dengan menggantikan flat empat tingkat kepada sebuah kondominium mewah berkeluasan 960 kaki persegi.

Pembangunan bermula pada 2010 dan siap diduduki, 2016.

Menurut Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta Ritz Gloss Sdn Bhd, **Abdul Hadi Ahmad**, SuezCap bermula di Klang, Selangor dan telah lama bertapak serta melebarkan sayapnya ke serata lokasi termasuk Nilai, Negeri Sembilan.

Katanya, SuezCap cuba menembusi pembangunan semula atau 'brownfield' iaitu tempat-tempat lama yang kebanyakannya pemaju tidak berani menceburinya.

Menceritakan tentang kejayaan syarikatnya itu, beliau yang juga salah seorang pengarah di SuezCap dan Suez Domain memberitahu,

projek Flat Kampung Kerinchi adalah pembangunan pertama yang berjaya dilakukan di Kuala Lumpur selepas pihaknya mendapat mandat daripada pemilik.

"Kita dipilih oleh pemilik sendiri yang mana ia melalui pengundian. Walaupun mereka sedikit meraguinya, namun kita akhirnya berjaya mendapatkan persetujuan sebanyak 89 peratus penduduk.

"Bukan hanya sekadar janji, pembangunan yang dirancang itu akhirnya berjaya meningkatkan taraf hidup penduduk terlibat.

"Kalau dahulu pemilik sukar mendapat penyewa walaupun menawarkan kadar RM450, sekarang mereka boleh mengutip sewaan sehingga RM1,500 hingga RM2,000,

malah harga seunit rumah bernilai lebih RM500,000," katanya kepada *Wilayahku*.

Abdul Hadi juga memberitahu, sungguhpun terdapat kira-kira 32 keluarga yang menentang pembangunan semula

diberikan pampasan, pihaknya tidak terus 'lepas tangan' sebaliknya membantu mendapatkan rumah baharu menerusi sewaan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, tindakan dan kejayaan pembangunan semulanya itu mendorong kerjasama bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi membangunkan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Pahang.

Ujar beliau, berbekalkan kepakaran yang ada dan kepercayaan daripada DBKL, pihaknya kini dalam proses memasang cerucuk (*piling*) dan ia dijangka siap empat tahun lagi sebelum diserahkan kepada pemilik dengan kadar RM350,000 per unit.

## PELOPOR PEMBANGUNAN SEMULA

**TERUS** mengorak langkah, SuezCap fokus untuk mendapatkan keseluruhan persetujuan daripada pemilik Kampung Sungai Baru, Kuala Lumpur yang melibatkan dua kawasan iaitu penduduk flat empat tingkat dan rumah teres.

Berkata mengenainya, Abdul Hadi memberitahu, bagi pembangunan di Kampung Sungai Baru, syarikatnya sekali lagi dipanggil pemilik menerusi persatuan penduduk.

Ujarnya, proses pembangunan

sudah dimulai pada 2016 yang mana memorandum persefahaman telah ditandatangani dan kini pihaknya dalam proses akhir untuk selesaikan isu-isu pengambilan tanah.

Katanya, antara sebab projek pembangunan semula berjaya adalah konsep yang dilakukan disukai penduduk selain mendapat sokongan kerajaan.

Malah, katanya, penduduk juga tidak perlu pindah keluar sebaliknya akan terus berada di lokaliti berkenaan melainkan semasa pembinaan dijalankan di samping pelantikan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) sebagai fasilitator.

Bercerita tentang cabaran dan kekangan yang dihadapi, ujar beliau, isu utama adalah berkaitan bagaimana cara untuk meyakinkan pemilik bahawa SuezCap adalah pemaju yang akan mengotakkan janji.

Ini kerana, katanya, sudah pasti pemilik akan


meragui pemaju swasta yang sentiasa bercakap tentang untung dan rugi sahaja.

"Kita juga terangkan, projek ini tidak

kira asas kepercayaan, parti yang didokong tetapi bertujuan menaik taraf hidup penduduk dengan memiliki satu kemudahan yang teratur.

"Selain itu, cabaran paling besar adalah kenangan sentimental penghuni di situ. Mereka tidak menolak pembangunan semula tetapi sedih dengan nostalgia yang bakal hilang," jelasnya yang yakin projek akan dijalankan.

Dalam pada itu, Abdul Hadi berkata, dengan pembangunan semula di Kampung Sungai Baru, ia akan merebak ke kawasan sekitar sekali gus menjadikan keseluruhan Kampung Baru 'dimodenkan.'



ABDUL HADI



VISUALISASI artis kediaman baharu untuk penduduk PPR Sri Pahang

# Nikmati kemudahan, keselesaan di Residensi Kerinchi

DIANA AMIR

**L**UAHAN rasa syukur daripada penduduk Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur tidak dapat digambarkan apabila memperoleh kawasan perumahan yang jauh lebih selesa berbanding sebelumnya.

Menurut **Siti Rohani Idris**, 71, perkhabaran mengenai pembangunan semula Kampung Kerinchi memberi kelegaan buat mereka sekeluarga kerana akhirnya mereka dapat tinggal di sebuah rumah yang selesa.

"Apabila pihak pemaju SuezCap memberitahu mengenai projek pembangunan semula, saya rasa bersyukur sebab pada waktu itu kami sekeluarga memang tidak mampu membeli rumah sendiri yang lebih selesa."

"Dahulu rumah hanya ada sebuah bilik, ahli keluarga pula ramai. Sebuah bilik semestinya tidak mencukupi. Bila dapat rumah dengan tiga bilik ini, anak-anak boleh dapat bilik sendiri," katanya yang lebih mesra dipanggil Mak Ani.

Mak Ani berkata, keluasan

rumah baharu itu adalah 960 kaki persegi dan mempunyai tiga bilik tidur serta dua bilik air.

Katanya, keluasan dan keselesaan yang dialami ketika ini jauh berbeza dengan keluasan rumah flat empat tingkat sebelum ini yang hanya 400 kaki persegi.

Justeru, dia menzahirkan rasa syukur kerana dapat memiliki dan mendiami rumah yang selesa pada usia emas di samping berpeluang tinggal berhampiran dengan anak-anak.

Sementara itu, **Norasida Mohamed**, 50, berkata, pihak SuezCap sangat bertanggungjawab terhadap penduduk Kampung Kerinchi sama ada sebelum dan selepas pembangunan semula dilakukan.

"Bila kami bersetuju dengan pembangunan semula, kami diarahkan untuk berpindah ke rumah projek perumahan rakyat (PPR) buat sementara waktu.



SITI ROHANI

NORASIDA

EZHARUDDIN

Menariknya adalah, kami tidak perlu mengeluarkan walaupun satu sen pun kerana semuanya disediakan dan ditanggung pemaju.

"Selama tujuh tahun di PPR, kami hanya perlu bayar bil api dan air sahaja. SuezCap juga memberi sumbangan berbentuk wang ringgit sebanyak RM13,000 kepada penduduk Kampung Kerinchi," ujarnya mengenai usaha SuezCap yang tidak mengabaikan penduduk.

Berkata mengenai fasiliti di Residensi Kerinchi, katanya, pemaju turut menyediakan pelbagai kemudahan seperti dobi dan juga gerai di medan selera untuk penduduk berniaga.

Bagi **Ezharuddin Abdul Rahim**, 41, pula, pemindahannya ke Residensi Kerinchi adalah kerana meningkatkan taraf kehidupan dan ekonomi. Projek seperti ini juga dapat membantu golongan berpendapatan rendah," katanya kepada *Wilayahku*.

Ujar Ezhar, SuezCap juga membantu dalam proses pemindahan dari PPR ke Residensi Kerinchi ini dengan menyediakan sebuah lori dan semuanya ditanggung oleh pemaju sendiri.

Malah, katanya, pemilik bukan hanya mendapat rumah yang selesa tetapi lengkap dengan mesin basuh serta kabinet dapur. **WK**



RUANG yang lebih luas dan selesa di Residensi Kerinchi.

## PEMBANGUNAN SEMULA KAMPUNG KERINCHI

**Luas keseluruhan: 2.76 hektar (6.83 ekar)**

**Unit terlibat : 473 termasuk 3 dewan, 2 surau, 1 pejabat**

**Merupakan flat 4 tingkat PKNS**

**Proses pembangunan semula dilakukan secara:**

1. Pengundian (28 Mac 2010)
2. Perjanjian usahasama
3. Pemindahan transit
4. Pengosongan tapak
5. Projek pembinaan

### Inisiatif tanggungjawab korporat sosial (CSR)

1. Pemberian beg sekolah dan subsidi persekolahan
2. Majlis berbuka puasa
3. Hamper hari raya
4. Kerusi roda
5. Sumbangan korban untuk Hari Raya Haji.

### Manfaat Residensi Kerinchi

1. Dikelilingi pelbagai fasiliti seperti pengangkutan awam dan pusat beli-belah
2. Berkonsepkan bandar moden
3. Mempunyai 472 unit yang selesa dan luas
4. Menggunakan sistem IBS
5. 8 tingkat untuk lot parkir
6. Kemudahan komuniti untuk penduduk di Paras G & P8 berkeluasan lebih 50,000 kaki persegi
7. Kawasan rekreasi yang luas dan selamat untuk dinikmati seisi keluarga

## Penduduk transit tidak sabar ke rumah baru

HAZIRAH HALIM

**M**ENDIAMI Residensi Kerinchi, Kuala Lumpur yang dilengkapi pelbagai kemudahan selain unit yang lebih besar dan selesa menjadikan penduduk transit dari Kampung Sungai Baru tidak sabar untuk memiliki kediaman sendiri selepas pembangunan semula dilakukan.

La diakui **Hamidah Esa**, 74, yang bersetuju dengan pembangunan semula selepas rumah yang didiami di Flat Kampung Sungai Baru sudah usang dan sering terputus bekalan elektrik.

"Makcik bersetuju untuk pindah ke sini kerana keadaan rumah yang terlalu uzur. Apabila hujan, air terus naik sehingga banjir kilat berlaku.

"Bekalan elektrik juga sering terputus menyebabkan makcik

tidak selesa untuk tinggal berterusan di situ," katanya kepada *Wilayahku* pada Ahad.

Dia juga menzahirkan rasa syukur kerana pemaju banyak membantu urusan pemindahan seperti mengangkat barang, menyediakan lori.

Malah, katanya, setiap pemilik unit terlibat diberikan pampasan sebanyak RM13,000 dalam tempoh tiga tahun mendiami rumah transit Residensi Kerinchi.

Apabila ditanya mengenai pembangunan semula yang direncanakan, dia beranggapan bahawa projek tersebut akan berjaya dilaksanakan seperti mana projek Residensi Kerinchi.

Justeru, dia merayu supaya pemilik terlibat memberi kerjasama sekali gus membolehkan pembangunan semula dipercepatkan.

Sementara itu, Bekas Persatuan Kebajikan Penduduk Kampung Sungai Baru, **Mazlan Yahya**, 60, berkata, kemudahan disediakan di Residensi Kerinchi lebih selesa berbanding rumah yang dimilikinya.

Ini kerana, katanya, pertambahan ahli keluarga menyebabkan rumah yang didiami sempit sehingga menyukarkan kehidupan anak lelaki dan perempuan.

Katanya, ekoran daripada itu, dia dan keluarga bersetuju untuk pembangunan semula selain disebabkan keadaan persekitaran yang kotor dengan sampah sarap serta menjadi lubuk penagh dadah.

"Bila saya tiba di tempat baharu, SuezCap telah menyediakan



HAMIDAH



MAZLAN

kemudahan yang dilengkapi dengan infrastruktur moden, kemudahan prasarana yang jauh lebih selesa daripada tempat lama.

"Di sini (Residensi Kerinchi) juga kawasan penempatan terletak bersebelahan dengan pusat beli-belah dan ia memudahkan penghuni.

"Selain itu, pemaju juga menyediakan mesin basuh,

kabinet dapur, satu lot parkir bagi satu rumah dan juga pengawal keselamatan yang pastinya akan menjaga keselamatan penduduk," katanya.

Tambah Mazlan, tawaran seperti itu seharusnya diambil penduduk Kampung Sungai Baru kerana pelbagai kemudahan disediakan selain membantu meningkat sosio-economik.

Terdahulu, seramai 64 keluarga penduduk flat berkenaan berpindah ke Residensi Kerinchi selepas bersetuju dengan projek pembangunan semula yang dirancang syarikat pemaju, SuezCap Holdings.

Projek tersebut dalam fasa akhir sebelum perobohan dan pembinaan semula dilakukan, yang dijangka bermula tahun hadapan. **WK**

# Orkestra DBKL hidupkan kembali



## Malam Kebudayaan KL di Panggung Anniversari

ISSAC CHONG WOON SONG

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membawa Malam Kebudayaan KL atau KL Cultural Nitez awal April lalu. Berkonsepkan persembahan kesenian lagu-lagu irama Malaysia, persembahan akan dihoskan oleh Izz Ismail dengan artis jemputan popular tanah air seperti Muss (Mus May), Fauziah Gambus dan Zehra Zambri diiringi oleh Kombo Budaya dan Artis Budaya DBKL.

Program tersebut anjuran Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan, DBKL. Rakaman penuh persembahan boleh ditonton melalui QR Code. **WK**



KETANGKASAN gerak tari artis budaya DBKL mewarnai Malam Kebudayaan.



PEMUZIK dari Kombo Budaya DBKL yang menghidupkan suasana Malam Kebudayaan.



PERSEMBAHAN yang memukau dari Fauziah Gambus.



# Panggung Anniversari



## Lagu ketuhanan bergema di Konsert Marhaban Ya Ramadhan



AMIN FARIJ HASAN

KONSERT Marhaban Ya Ramadhan anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berlangsung di Panggung Anniversari, Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur Sabtu lalu menampilkan lima artis nasyid dan lagu-lagu ketuhanan.

Antaranya adalah Zul Handy Black, Daq Mie, Azmi Saat, Afad (Raihan) dan Sharifah Khasif Fadzillah.

Persembahan percuti ini akan diiringi pasukan Orkestra DBKL yang dianggotai oleh 45 orang pemuzik.

Bekas juara Tilawah Antarabangsa, pendakwah dan juga penyanyi Ustazah Sharifah Khasif Fadzillah tampil dengan lagu-lagu Islamik seperti Assalamualaikum Ya Rasulallah, Ya Imaman Rusli dan Salatullah Salamullah yang diiringi oleh Orkestra DBKL!

Konsert percuti untuk warga kota seisi keluarga itu sebahagian daripada program DBKL yang bertemakan keraian bulan Ramadhan ini. WK



ZUL Handyblack menyampaikan lagu berkoncep ketuhanan dalam konsert ini.



ANTARA barisan artis dan pemuzik yang menjayakan konsert Marhaban Ya Ramadhan anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.



# Pengalaman Ramadan paling dirindui



DEEL ANJER

**S**EMUA orang pasti ada kenangan manis tersendiri setiap kali tibanya bulan Ramadan. Begitu juga dengan penyanyi Azzam Sham dan Azharina yang masih merindui pengalaman di bulan Ramadan sebelum bergelar artis.

## Barulah saya tahu kenapa Allah berikan bulu mata - Ali XPDC

**PENGALAMAN**  
disambar api setahun lalu membuatkan vokalis kumpulan rock XPDC iaitu **Ali** berasa lebih dekat dengan Allah SWT.

Ali atau nama sebenarnya **Mohd Ali Ismail**, 53, menganggap apa yang berlaku adalah ujian dan dia juga menyedari hikmah di sebalik insiden tersebut.

"Saya memang reda dengan apa yang berlaku tahun lalu. Semua yang terjadi sudah tertulis."

"Sekarang saya mengalami masalah trauma apabila berdepan dengan api kerana semasa kejadian itu berlaku, kening dan bulu mata saya terbakar dan hilang," katanya ketika ditemui dalam program Jom Sihat Bersama House of Oxygen baru-baru ini.



ALI (kiri) ketika ditemui dalam program Jom Sihat Bersama House of Oxygen baru-baru ini.

Bercerita lanjut tentang kejadian itu, Ali berkata, kejadian yang berlaku menyebabkannya sedar bahawa nikmat Allah yang kecil itu memberi rahmat besar dalam kehidupan manusia.

Jelasnya, seperti bulu mata, fungsinya adalah untuk menahan air daripada masuk ke dalam mata.

"Alhamdulillah, syukur... saya dalam keadaan 80 peratus sudah pulih selepas disambar api tahun lalu. Selain kening dan bulu mata, bahagian muka serta tangan turut disambar api, kaki pun ada terkena juga."

"Selepas insiden itu, saya alami masalah pernafasan. Saya kena pergi ke klinik setiap kali rasa tidak sedap badan dan sukar untuk bernafas, kos agak tinggi iaitu antara RM80 hingga RM100."

"Kebetulnya, ada rakan kenalkan saya dengan mesin oksigen yang membantu pernafasan dan saya gunakannya. Walaupun harga boleh tahan tapi memikirkan kesihatan, saya perlu beli."

"Sekarang ini, saya tidak boleh terlalu aktif sangat sebab kalau aktif sangat, dada jadi ketat serta memerlukan mesin itu dengan segera," ujarnya.

Terdahulu dalam kejadian pada 26 Mac tahun lalu, Ali sedang membakar sampah di belakang rumahnya di Kampung Rantau Panjang, Klang sebelum api menyambar bahagian muka dan tangan apabila dia menggunakan petrol.

Akibat daripada kemalangan tersebut, penyanyi yang popular dengan lagu Bunga Angkasa itu mengalami kecederaan yang sangat serius apabila muka dan tangannya melecur 30 peratus.



ALI XPDC

## Ikan bawal putih galakkan berpuasa - Azharina

**PENYANYI** lagu Elegi Sepi, **Azharina Azhar**, 36, tidak dapat melupakan kenangan bersahur makan ikan goreng Bawal Putih masakan arwah ibu dan neneknya.

Ketika itu, Azharina dan keluarga menetap di Keningau, Sabah yang mana apabila waktu sahur, neneknya akan memasak ikan bawal putih yang menjadi kegemarannya.

"Orang Sabah panggil ikan duai goreng. Seperti biasa, mak belikan ikan duai kegemaran saya. Rumah kami tak ada peti, jadi ikan yang dibeli kami tumpang simpan di rumah makcik saudara yang mempunyai peti seuk.

"Sampai masa nak masak, mak akan pergi ambil ikan itu dan masakan untuk saya makan sahur. Itu cara ibu nak galakkan saya berpuasa," katanya yang tidak dapat melupakan kenangan indah berpuasa bersama nenek dahulu.

Kenangan yang tak mungkin kembali lagi, tetapi tetap tersimpan kukuh dalam ingatan saya.

Berhubung kerjayanya pula, Azharina akan muncul dengan lagu baharu kolaborasi bersama sebuah kumpulan popular.



AZHARINA

## Azzam Sham pernah ponteng puasa

**PENYANYI** lagu Cinta Jangan Pergi yang juga Juara Big Stage 2020, **Azzam Sham**, 23, masih teringat pengalamannya ponteng puasa ketika zaman kanak-kanak.

Menceritakan kenangan bulan Ramadan yang tidak dapat dilupai, dia memberitahu, semasa belajar berpuasa dia pernah curi-curi minum air kerana sangat dahaga.

"Entah kenapa saya rasa banyak sangat dugaan berpuasa, terutamanya di penghujung Ramadan. Teringat lagi masa itu jalan-jalan nak beli baju raya dengan ayah dan ibu, saya cakap pada mereka saya masih boleh bertahan sebab nak beli baju raya."

"Hakikatnya saya sangat dahaga dan terpaksa curi-curi minum. Ayah dan ibu tak tahu dan mereka menganggap saya berpuasa," katanya berseloroh.

Bagi Azzam,



belajar berpuasa perlu dilatih sejak zaman kanak-kanak dan dorongan ibu bapa sangat penting.

Katanya, walaupun kanak-kanak masih belum diwajibkan berpuasa, namun sebaik-baiknya 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'.

Malah dia berkata, tidak mengapa jika kanak-kanak ponteng puasa kerana itulah proses belajar.

Dalam pada itu, Azzam juga menzahirkan rasa syukur kerana lagunya, Cinta Jangan Pergi semakin mendapat tempat dalam kalangan peminat.

"Cinta Jangan Pergi diterima baik oleh peminat. Buktinya apabila video lirik lagu ini sudah mencecah sejuta tontonan dan berada di kedudukan 10 terbaik dalam carta program Muzik-Muzik ke-36."

"Saya juga terlibat dalam pembikinan lagu selawat bersama artis-artis Rusa Music yang lain," ujarnya lagi. WK

# Beri laluan mudah untuk kelayakan pembelian rumah Golongan muda teruja pembinaan Residensi Prihatin



AINI MAWAWI



NOOR AZREEN



NAZZIHAH



JOHAN ARSHAD

**R**ATA-RATA golongan muda menyambut baik usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) membangunkan projek perumahan mampu milik di Putrajaya yang menyasarkan golongan berpendapatan rendah B40.

Projek yang memperuntukkan sebanyak 12,253 unit Residensi Prihatin berkeluasan 750 kaki persegi dengan harga RM200,000 tersebut memberi peluang kepada mereka untuk memiliki kediaman yang selesa.

Menurut kakitangan kerajaan, **Noor Azreen Zainal Abidin**, 36, ia merupakan idea yang bernes memandangkan sukar untuk golongan tersebut memiliki kediaman sendiri lebih-lebih lagi di tengah bandar.

"Seperti yang kita sedia maklum, harga rumah di Putrajaya agak mahal dan sudah semestinya tidak mampu dibeli golongan B40. Diharapkan pihak KWP dapat membuka laluan mudah kepada mereka untuk membeli."

"Sudah tentu mereka sangat mendambakan kediaman untuk masa hadapan namun apabila tiba di peringkat pinjaman bank, maka ramai yang terkandas kerana tidak layak," ujarnya.

Pengasuh, **Nazzihah Ahmad Nazri**, 25, pula berpendapat, mungkin pihak KWP perlu merendahkan sedikit harga tersebut memandangkan rata-rata

golongan B40 bergaji kurang daripada RM2,000. "Kalau RM150,000 mungkin ramai yang menarik nafas lega.

Ini kerana, selain gaji yang rendah, kebanyakan B40 terikat dengan komitmen bulanan jadi bimbang di akhir nanti mereka tidak mampu membayar pinjaman perumahan yang dibuat," ujarnya.

Memahami perasaan golongan muda hari ini, **Muhammad Johan Arshad**, 29, berkata, kos sara hidup yang tinggi di kawasan bandar membuatkan golongan muda hanya mampu memasang angan-angan sahaja.

"Saya percaya semua orang hendak memiliki rumah sendiri namun harga pasaran yang tinggi hari ini memaksa golongan muda akur pada kehendak semasa. Akhirnya mereka masih tidak

memiliki rumah sendiri sehingga usia lanjut.

"Berlanjutan daripada perkara itu, ramai yang terpaksa menyewa rumah sehingga tua kerana batasan kewangan mahupun gaji yang hanya cukup-cukup makan biarpun digabungkan bersama pasangan," katanya.

Terdahulu, Residensi Prihatin memberi penekanan kepada pemohon bagi rumah pertama dan masih belum memiliki rumah

bagi memastikan kumpulan sasar yang tepat beroleh manfaat tersebut.

Pembangunan Residensi Prihatin meliputi kemudahan seperti surau, dewan serbaguna, tadika, taska, ruang niaga, gelanggang badminton, taman permainan kanak-kanak dan tempat letak kereta berbumbung bagi memastikan persekitaran hidup yang lebih kondusif dan berkualiti. **WK**



ILUSTRASI Residensi Prihatin yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025.

## Chillex Puspanita promosi gaya hidup sihat

**BADAN** yang sihat, akan mengemudi fikiran dan jiwa. Menyedari tentang hal tersebut, Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Kebangsaan bertindak mengajurkan program Chillex Puspanita @Putrajaya baru-baru ini.

Menurut Yang Dipertua PUSPANITA, Puan Sri Norizam Che Mohd Noor, program tersebut merupakan inisiatif bagi menggalakkan pembudayaan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan ahlinya.

"Di kala dunia berhadapan dengan pandemik COVID-19, ia bukanlah menjadi alasan untuk kita

tidak meneruskan amalan gaya hidup sihat dengan norma yang baharu, serta pematuhan kepada garis panduan yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Ini menjadi platform untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan santai. Seperti sedia maklum, sebagai wanita, kita akan sentiasa sibuk dengan anak-anak, ada yang sibuk dengan urusan rumah tangga dan yang berhempsah pulas menyeimbangkan keperluan kerjaya serta keluarga.

"Malah, pada kebiasaannya wanita akan sentiasa meletakkan kepentingan keluarga mengatasinya kepentingan diri dan kesihatan," ujarnya.

Tambah beliau, cabaran pasti ada sebagai wanita sama ada bekerjaya atau suri sepuh masa namun perlu manfaatkan



NORIZAM (kiri) ketika merasmikan program.

peluang platform PUSPANITA sebagai salah satu saluran untuk beriadah dan bersosial.

"Dalam masa sama, suasana yang ceria dapat melepaskan tekanan dan paling penting kita sentiasa tenang dan menjaga kesihatan mental dalam norma baharu pada masa kini," ujar Norizam sejurus program riadah dan zumba di Kompleks Perbadanan Putrajaya Sabtu lalu. **WK**



PROGRAM Chillex Puspanita terima sambutan yang menggalakkan.

## Kemeriahan Bazar Ramadan Putrajaya

**MERIAH.** Warga Putrajaya berpusu-pusu mengunjungi bazar Ramadan seawal pukul 4.30 petang bagi mendapat juadah istimewa untuk hidangan berbuka sempena hari pertama mengerjakan ibadah puasa.

Dalam suasana teruja tersebut, pengunjung dan peniaga sentiasa dipantau pihak pengurusan bazar agar mereka sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang diputuskan sepanjang berada di bazar.

Pelbagai juadah istimewa yang terdapat di bazar

Ramadan antaranya kuey tiaw kerang, ayam golek, kambing bakar, tepung pelita, murtabak selain masakan barat seperti Chicken Chop, Churros serta air istimewa antaranya air sirap selasih, soya, bandung dan jagung.

Tahun ini, jualan Bazar Ramadan Putrajaya 2021 ditetapkan di empat lokasi strategik iaitu Tapak Bazar Ramadan, Presint 3, Laman Duta, Presint 15, Laman Perdana Presint 1 dan Food Truck Ramadan di hadapan Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPj). **WK**



PENGUNJUNG tidak ketinggalan membeli juadah untuk sajian berbuka puasa.

# Masakan tradisional Wilayah Sichuan buat penggemar pedas



DEEL ANJER

**A**NDA penggemar makanan pedas? Restoran Mala-Mala antara lokasi sesuai untuk dikunjungi.

Restoran Mala-Mala yang terletak di Mid Valley Megamall, Kuala Lumpur ini mengetengahkan masakan tradisional dari Wilayah Sichuan kawasan daya barat Republic China khusus buat mereka yang gemarkan makanan pedas.

Restoran milik cef dan selebriti, **Datuk Fazley Yaakob** ini memberi peluang kepada para pengunjung menikmati hidangan Mala Dry Pot.

Konsep makanan Mala Dry Pot di Mala Mala ini boleh dikatakan sangat unik.

Mala yang bermaksud 'pedas yang mengebasarkan lidah' menggunakan cili kering Sichuan yang dikenali dengan rasa pedasnya yang menyenang sebagai bahan utama.



Menurut Fazley, pembukaan cawangan Restoran Mala Mala di Malaysia adalah bersesuaian dengan rakyat Malaysia yang menggemari makanan pedas yang halal daripada air tangannya sendiri.

"Saya mula meminati masakan cara Sichuan ini setelah mengunjungi negara Taiwan, Macau dan Hong Kong sebelum ini.

"Di ketiga-tiga lokasi ini, makanan Sichuan menjadi antara pilihan popular bagi pengunjung-pengunjung beragama Islam.

"Biasanya pengunjung diberi pilihan sama ada Mala Hot Pot di mana bahan-bahan disajikan dalam rebusan sup atau Mala Dry Pot yang bahan-bahannya digoreng bersama perencah Mala. Restoran Mala Mala di Mid Valley ini menampilkan jenis yang digoreng.

"Apa yang saya boleh cakap, perisa Mala ini sebenarnya sudah menambat hati penggemar makanan di Malaysia. Ini kerana sudah banyak produk makanan ringan yang menggunakan perisa Mala," jelasnya yang menjanjikan kepuasan untuk seisi keluarga.

Fazley juga sedar, tahap pedas yang digemari oleh rakyat Malaysia adalah berbeza-beza.

"Di Mala Mala, setiap pengunjung mempunyai cita rasa pedas

yang tidak sama. Ada yang kuat pedas, tak kurang juga yang mahukan pedas yang biasa-biasa.

"Mereka boleh pilih tahap pedas yang dimuhkan. Terpulanglah kepada cita rasa masing-masing.

"Dalam Masa yang sama, jangan risau kerana Mala Mala juga menyediakan makanan yang tidak pedas bagi mereka yang tidak tahan dengan penangan cili kering Sichuan ini," ujarnya lagi.

Istimewa buat semua pengunjung di bulan Ramadan ini, Mala Mala memperkenalkan menu **Ramadan Set For Two** yang menyediakan ayam goreng, kerepek teratai (daripada pokok Teratai), kuih-muih tradisional, kurma, Sirap Limau Ais Zero Kalori dan banyak lagi pilihan lain.

Ramadan Set For Two ini berharga RM 49.90. Manakala Mala Dry Pot dengan bahan-bahan yang dipilih oleh pengunjung sendiri pada harga RM 15 sehingga RM 22, tertakluk kepada jenis bahan-bahan yang diambil.

Kemudahan surau turut disediakan bagi mereka yang mahu bersolat selepas waktu berbuka puasa.

WK



## RESTORAN MALA MALA

Lokasi: Mid Valley Megamall (Kuala Lumpur), IOI Mall (Putrajaya) dan Melawati Mall (Hulu Kelang)  
 Waktu Operasi: 10 pagi sehingga 10 malam  
 Untuk info lanjut boleh hubungi: 016-3233206  
 Instagram: @malamala\_my

# Produk kesihatan berasaskan sumber asli jadi taruhan APSB



SYAHIDI BAKAR

**P**RODUK penjagaan kesihatan, Madu Kelulut Asli dan minuman susu kambing, Suvita di bawah jenama Arah HerbS dikatakan telah terbukti memberi kesan positif terhadap fungsi tubuh badan manusia.

Pengambilan secara rutin kedua-dua jenis produk kesihatan ini dipercayai mampu mengekalkan tahap kecergasan fizikal, merangsang minda dan menguatkan imunisasi badan dengan fungsinya mencegah rintangan pelbagai jenis penyakit seperti kencing manis, darah tinggi, gout dan lain-lain.

Namun, ia perlu diamal secara berterusan di samping menjalani cara hidup sihat seperti bersenam dan amalan pemakanan seimbang.

Pengurus Besar Arah Premium Sdn. Bhd. (APSB), **Mod Hazani Omar** berkata, produk kesihatan dan kecantikan Arah HerbS, bukan sahaja berkhasiat dan kualitinya turut setanding produk lain terdapat di pasaran ketika ini.

Katanya, antara kelebihan produk ialah ketulenan kandungan semula jadi yang digunakan tanpa campuran bendasing atau bahan pengawet tiruan demi menjaga kualiti produk dihasilkan seterusnya memberikan kesan optimum kepada para pelanggan.

"Untuk produk kesihatan Madu

Kelulut dan Susu Kambing Suvita Arah HerbS, kedua-duanya adalah makanan sunah dan konsep diterapkan ialah dari sarang atau ladang terus ke botol supaya ia kekal asli serta terjamin kualitinya.

"Kapasiti pengeluaran Madu Kelulut mencukupi kerana pihak pembekal kami memiliki lebih 1,000 sarang ternakan lebah kelulut daripada spesis Trigona Itama di ladang Kampung Tok Uban di Pasir Mas.

"Jadi, APSB menjadikan Putrajaya ini sebagai hub pengeluaran dan pemasaran produk pemakanan kesihatan ini kerana potensi pasaran luas dan kuasa beli tinggi penduduk di Pusat Pentadbiran Kerajaan," katanya dalam temubual *Wilayahku* di Pejabat Urusan APSB, Jalan Diplomatic Presint 15, Putrajaya.

Syarikat APSB ditubuh awal tahun 2020 ialah pemilik jenama produk Arah HerbS yang kini memasarkan dua produk makanan kesihatan dan kecantikan, Madu Kelulut Arah HerbS serta Susu Kambing Suvita Arah HerbS di pasaran.

Sementara itu, Mod Hazani menjelaskan, harga jual produk Madu Kelulut di pasaran RM39 botol kecil (130gm) dan RM118 (370gm) botol besar. Manakala bagi Susu Kambing Suvita berisi kandungan 500gm, dijual RM49 sahaja.

Bagaimanapun katanya, untuk tempoh promosi bermula April hingga Jun, harga ditawarkan bagi

kedua-dua produk ialah RM99 bagi Madu Kelulut Arah Herb dan Susu Suvita RM45 sahaja.

"Para pelanggan disaran gunakan kesempatan tempoh promosi ini beli kedua-dua produk makanan kesihatan tambahan ini yang nyata berkhasiat, selain sesuai untuk suplemen seisi keluarga bagi penjagaan tubuh badan pelbagai peringkat umur.

"Dengan potongan harga menarik diberikan, kami yakin para pelanggan akan merasai manfaat serta kebaikan produk ini yang berbaloi dengan wang dibelanjanya," ujarnya.

Dalam pada itu, bagi membuka peluang menjana pendapatan khususnya mereka yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19, APSB mengalukan bagi sesiapa yang berminat menjadi ejen produk Arah HerbS atau *dropship* layak nikmati potongan harga menarik.

Menurut Mod Hazani, harga ditawar kepada Ejen Produk berbaloi untuk menjana untung sehingga RM30 bagi Madu Kelulut (besar) dibeli hanya RM88



berbanding jualan RM118 sebotol. Untuk saiz kecil pula, harga ejen RM34 manakala harga jualan di pasaran RM39.

"Untuk sistem *dropship* pula, harga diberi RM103 berbanding jualan RM118 bagi Madu Kelulut saiz besar dan saiz kecil pula, RM35 dijual pada RM39 sebotol, ada margin untung kepada setiap ejen jualan produk Arah HerbS," jelasnya.

Sementara itu, bagi Susu Suvita, harga ejen RM39 berbanding

jualan RM49 manakala melalui sistem *dropship*, harga ditawar RM45 sahaja dan penjual masih raih untung RM4 setiap botol.

Maklumat lanjut produk kesihatan dan konsep jualan ditawarkan Arah HerbS, hubungi APSB ditalian 012-7100302 / 03-88888900 untuk sebarang pertanyaan berkaitan. Bagi yang ingin terus bertemu, kunjungi pejabat Arah Premium Sdn. Bhd. No 60B, Tingkat 2, Jln Diplomatic, Presint 15, Putrajaya. **wk**



MOD Hazani (kanan) bersama pengurusan APSB menunjukkan dua produk kesihatan Arah HerbS, Madu Kelulut dan Susu Kambing Suvita.

**NAMIDA GARDEN & EVENTS**  
KOTA WARISAN, SEPANG

# Buffet Ramadhan

**RM 55**  
Nett Per Pax

Ramadhan Buffet Start  
19th April 2021 - 9th May 2021

Toilets      FREE Parking Lot      Air Conditional      Musollah (Maghrib, Isyak & Terawih)

CHILDREN (7 - 12 YEARS)      LOCATION : No. 33, Jalan ERL Salak Tinggi Sepang

MYR 20 NETT      WAZE : Namida Garden & Events

CALL FOR RESERVATION  
019-265 5233 - Munirah

Perumahan awam dinaik taraf

# Labuan terima peruntukan RM10 juta



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**K**ERAJAAN telah memperuntukan sejumlah RM10 juta dibawah pakej Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) bagi meningkatkan infrastruktur awam dan kemudahan rakyat di Pulau Bebas Cukai itu.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, peruntukan itu merupakan peruntukan tambahan daripada kerajaan menerusi pakej PEMERKASA kepada peruntukan yang telah lulus sebelum ini.

Katanya, peruntukan itu digunakan dalam usaha meningkatkan prasarana awam bagi projek kecil dan mudah dilaksana.



ANNUAR (tengah) menandatangani plak sebagai saksi kepada Ikrar Integriti dan Bebas Rasuah Pegawai dan Kakitangan Perbadanan Labuan di Bangunan Wisma Perbadanan PL, pada Isnin.

"Projek-projek kecil yang boleh dilaksanakan oleh kontraktor kecil supaya mereka turut memperbaiki perniagaan dan ekonomi mereka.

"Tumpuan hendaklah diberi-

kan kepada menaik taraf keadaan beberapa perumahan awam di Labuan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan



ANNUAR ketika sidang media selepas menyampaikan sumbangan wang ehsan kepada mangsa-mangsa bencana pada Mac lalu di Bangunan Wisma Perbadanan PL semasa lawatan kerja beliau pada Isnin.

lawatan Turun Padang (TUPA) ke Wilayah Persekutuan Labuan pada Isnin.

Menurut beliau lagi, peruntukan tambahan itu akan

menumpukan kepada strategi bagi pemuliharaan ekonomi yang mampu dan keutamaan adalah kepada projek yang berfokuskan rakyat.

WK

## Warga PL diseru pelihara nilai integriti dan peraturan

**WARGA** Perbadanan Labuan (PL) diseru untuk memelihara integriti dan memastikan pematuhan terhadap peraturan-peraturan yang berkuatkuasa demi mewujudkan persekitaran budaya kerja positif dan kondusif.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr Fary Akmal Osman berkata usaha-usaha mempromosi nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik perlulah dilaksanakan secara konsisten, selain tidak membentarkan sebarang perbuatan rasuah dalam apa jua bentuk.

Katanya, melihat kepada integriti bagi penjawat awam bila mana seseorang menjawat apa-apa sahaja jawatan yang diamanahkan dalam perkhidmatan Kerajaan, penjawat awam terbabit perlu bertindak secara jujur dan amanah mengikut bidang kuasa dan tugasnya.

"Justeru, baik di PL atau di mana-mana sahaja, integriti sewajibnya menjadi pegangan kukuh dan mesti diamalkan oleh setiap individu daripada kita.

"Penekanan terhadap integriti seperti yang saya disebutkan tadi, tidak lain dan tidak bukan adalah untuk menjadikan kita lebih bertanggungjawab dan responsif terhadap kewajiban kita di PL ini untuk membudayakan amalan integriti," katanya.

Beliau berkata sedemikian ketika menyampaikan ucapan



FARY (kanan) bersama Rithuan (tengah) menyempurnakan cap tangan lukisan capan berkonsepkan Integriti Konsep di saksikan oleh Yusizzudin (kiri).

di Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah di Desa Tunas Hijau Sg Miri, di sini pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Labuan Mohd Yusizzudin Mohd Yusof dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PL, Rithuan Mohd Ismail.

Pada majlis itu turut diadakan pertandingan Lukisan Capan berkonsepkan pokok 'Integriti Kreatif' pertandingan itu dilakukan sebagai simbolik yang merefleksikan iltizam

warga PL dalam menunjukkan integriti dan etika yang tinggi dalam menggalas amanah yang diberikan.

Dalam pada itu, beliau menyeru agar setiap warga kerja bekerja secara berpasukan, berintegriti, profesional, setia, mempunyai daya juang yang tinggi dan bertekad menjadikan organisasi ini dinamik serta kompeten.

"Saya ingatkan agar kita semua akan terus mengekalkan nilai integriti ini dalam melaksanakan tanggungjawab seharian kita di PL," katanya. WK



ANNUAR menyerahkan sumbangan wang ehsan kepada mangsa-mangsa bencana pada bulan Mac lalu.

## KWP peruntukan RM150,000 naiktaraf Madrasah Tahfiz

**KEMENTERIAN** Wilayah Persekutuan (KWP) telah memperuntukan sejumlah RM150,000 bagi menaiktaraf bangunan Madrasah Tahfiz Al-Quran Sri Merinding di sini.

Menterinya, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, kementerian telah meluluskan peruntukan itu bagi menaiktarafkan madrasah itu yang mana sebelum ini jalan simen masuk ke madrasah telah rosak akibat culvert yang tidak berfungsi dengan baik.

"Ia termasuk membaiki bumbung dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan keselesaan tempat itu," katanya.

Beliau berkata sedemikian kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan wang ehsan kepada

mangsa-mangsa bencana pada bulan Mac lalu, di Wisma PL pada Isnin.

Mengulas lanjut mengenai program 5MY, Annuar menegaskan bahawa program itu perlu turut di fokuskan pelaksanaannya di pulau ini.

Katanya, program itu bermatlamat membasmikan kemiskinan bandar sekaligus menambahbaik jaringan keselamatan sosial dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan.

"Walaupun fokus utamanya di Bandaraya Kuala Lumpur tetapi sebenarnya Labuan juga menanggung kos sara hidup yang semakin tinggi."

"Saya harap PL dapat membuat persiapan untuk melaksanakan apa-apa pun program itu dilaksanakan di Labuan," katanya. WK

## KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di [editorwilayahku@gmail.com](mailto:editorwilayahku@gmail.com) dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

# ANGGUN anjur kursus bantu wanita muda berniaga

DIANA SYUHADA MOHD AMIR

**KELAB** Beliawanis Aspirasi ANGGUN Putrajaya (ANGGUN) akan menganjurkan kursus keusahawanan pembuatan makanan dan perniagaan atas talian untuk wanita muda yang mengangur dan golongan muda lepasan sekolah.

Pengerusi Kelab Beliawanis Anggun, **Norlaila Hussin** berkata pada masa ini ANGGUN akan menganjurkan program bersama penyedia platform perniagaan atas talian, Shopee yang mengkhususkan untuk membantu golongan wanita muda dan ahli Anggun untuk berniaga secara atas talian.

"Sekarang ini kita ada buat satu program bersama Shopee di mana ahli-ahli ANGGUN tidak perlu mempunyai sebuah kedai untuk memulakan perniagaan dan mereka boleh berniaga hanya secara atas talian sahaja."

"Melalui program ini, kita akan beri latihan tentang bagaimana hendak berjaya dalam perniagaan secara atas talian ini kerana ia bukan mudah dan tidak semua orang tahu mengenai cara yang betul untuk memulakan perniagaan secara atas talian," katanya kepada Wilayahku selepas Program ANGGUN Ramadan 2021 pada Ahad.

Nor Laila berkata, pihak turut merancang untuk menyediakan platform perniagaan makanan yang akan dikenali sebagai Kafe ANGGUN.

"Ada dalam kalangan ahli ANGGUN tahu untuk menghasilkan produk makanan tetapi tidak mempunyai tempat untuk memulakan perniagaan."

"Kafe itu nanti akan menjadi pusat sehenti dan kita akan letakkan produk mereka untuk dijual kepada orang ramai," katanya.

Tambah Nor Laila, pihaknya



TUN Faisal (tengah) bersama Kelab Beliawanis Aspirasi ANGGUN Putrajaya dalam Program ANGGUN Ramadan 2021 yang diadakan baru-baru ini.

menyasarkan penyertaan kira-kira 100 orang dalam kalangan ahli ANGGUN dan warga setempat untuk memulakan kursus tersebut.

"Kami akan bergabung dengan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP)

Putrajaya dan NGO lain yang berada di Putrajaya ini kerana fokus utama program ini adalah untuk komuniti Putrajaya terlebih dahulu," katanya.

Norlaila berkata, pihaknya tidak hanya akan memberi latihan dan

kursus keusahawanan, sebaliknya pihaknya turut memberi fokus kepada kebajikan golongan wanita muda di bawah umur 40 tahun.

"Bagi golongan muda yang berkahwin awal dan mempunyai masalah rumah tangga, ANGGUN akan menyediakan khidmat perundingan bagi membantu dalam menyelesaikan masalah mereka," katanya.

Terdahulu, Anggota Perbadanan Putrajaya (PPj) Datuk Tun Faisal Ismail Aziz telah menyampaikan sumbangan persediaan menyambut Ramadan untuk warga Putrajaya yang memerlukan anjuran ANGGUN. **WK**

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



## Kelab Anak Muda Seputeh bantu jayakan program sanitasi MySchool Bus

**SEJUMLAH** 40 unit kendaraan jenis van dan bas yang diguna sebagai pengangkutan bagi program MySchool Bus sekitar Parlimen Seputeh, terlibat dalam sanitasi untuk mencegah risiko jangkitan pandemik COVID-19.

Langkah pencegahan yang diambil kata Presiden Kelab Anak Muda Seputeh, **Nur Hafies Wahid**, bertujuan membantu pengusaha MySchool Bus menyediakan perkhidmatan yang terjamin, bebas daripada sebarang bentuk penularan jangkitan.

Katanya, inisiatif tersebut sebagai tanda prihatin pihaknya terhadap pengusaha bas dan van dalam kawasan Seputeh, yang turut berdepan kekangan untuk melakukan kerja-kerja menyah kuman dan memberikan khidmat yang terjamin selamat.

"Maka atas kesedaran ini, kami Kelab Anak Muda Seputeh terpanggil untuk membantu mereka ini melibatkan 40 kendaraan kesemuanya disanitasi dengan berpaduan SOP ditetapkan."

"Aktiviti pembersihan sanitasi ini telah dilakukan di kawasan Parkir SMK Seri Saujana, Bandar Baru Seri Petaling, Kuala Lumpur pada 10 April lalu. *Alhamdulillah*



OPERASI Sanitasi yang dilaksanakan oleh Kelab Anak Muda Seputeh khususnya 40 kendaraan yang digunakan sebagai pengangkutan MySchool Bus.

semuanya berjalan lancar hasil dari kerjasama diberikan oleh pelbagai pihak," katanya selepas Operasi Sanitasi MySchool Bus.

Simbolik pelaksanaan Operasi Sanitasi MySchool Bus telah dilakukan oleh Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Wilayah Persekutuan, Asmori Sa'hari dan Pengurus DBKL Cawangan Seputeh, Asmizi Mohd Yusof.

Sementara itu, program sama turut menyaksikan bantuan barang dapur sumbangan Program Food Bank, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) turut serah kepada pengusaha MySchool Bus disampaikan oleh Mohd Iqmal Azwa sebagai wakil JAWI Food Bank.

Sumbangan tersebut turut disakdikan oleh wakil Persatuan Pengusaha-Pengusaha Bas Selangor, Putrajaya & Kuala Lumpur, Mohd Shamsul yang terharu serta menyambut baik semua inisiatif bantuan yang diusahakan pelbagai pihak untuk membantu kalangan ahlinya.

Nur Hafies menjelaskan, operasi sanitasi bermula seawal 9.00 pagi itu, telah berjaya diselesaikan menjelang petang hari yang sama dengan semua pihak komited menjayakannya dengan teliti.

"*Alhamdulillah*, selain selesai operasi sanitasi hari ini, kami turut agih sumbangan Food Bank JAWI kepada semua pengusaha. **WK**

## Anjuran kali pertama Kejohanan Catur 'online' dapat sambutan luar jangka

SYAHIDI BAKAR

**SERAMAI** 2,975 peserta daripada dalam dan luar negara mengambil bahagian pada pengajian julung kali Kejohanan Catur Dalam Talian Piala Timbalan Menteri Wilayah, yang berlangsung di Putrajaya, semalam.

Jumlah penyertaan yang diterima pengajian bagi kejohanan peringkat Antarabangsa itu, jauh dari sasaran awal diramalkan 500 peserta, merupakan tanda aras penting terhadap budaya baharu bagi pertandingan catur secara maya tanpa perubahan prestij permainan menguji minda.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr. Santhara Kumar**, secara peribadi memuji keupayaan pengajian utama kejohanan, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Presint 16 (1) dan Kelab Catur Elite Presint 18, Putrajaya yang telah berjaya mengendalikan kejohanan catur secara dalam talian itu dengan efisien.

Beliau berkata, dengan jumlah peserta bertanding seramai 2,975 orang daripada lapan buah negara, ia suatu pencapaian yang membanggakan bagi pelbagai pihak yang terlibat.

"Pertamanya saya



PENGETUA SMK Putrajaya Presint 16(1) Kamaluddin Mohd Kassim (tiga dari kanan) dan Ketua Arbiter Emran Mohd Tamil (tiga dari kiri) ketika majlis perasmian kejohanan yang disempurnakan oleh Datuk Seri Dr. Santhara.

ucapkan tahniah dan syabas kepada pengajian utama SMK Putrajaya Presint 16 (1) bersama rakan strategik lain kerana telah berjaya menganjurkan kejohanan secara dalam talian ini dengan jumlah penyertaan yang ramai.

"Untuk makluman, sejumlah 1,556 peserta lelaki dan 1,229 perempuan bertanding di dalam empat kategori, Bawah 9 Tahun; Bawah 12; Bawah 15 dan Bawah 17 Tahun pada kejohanan ini.

"Pertandingan ini turut diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk permarkahan 10 peratus Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan & Kokurikulum

(PAJSK) untuk kesemua murid yang menyertai kejohanan ini," katanya dalam ucapan perasmian Kejohanan Catur Dalam Talian Piala Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Peringkat Antarabangsa Tahun 2021, di Putrajaya semalam.

Berdasarkan statistik kejohanan kali ini, daripada 2,985 peserta bertanding, Malaysia diwakili 2,665 peserta manakala 120 peserta lain daripada luar negara termasuk Indonesia (51); Filipina (40) dan Thailand (6) serta Singapura (4).

Selain itu, kejohanan yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM15,000 itu turut menarik penyertaan pesaing daripada luar. **WK**

Lebih 30 hidangan di Lanai Karya@Karyabhara The Hipster Cafe

# Bufet Ramadan terbaik di Putrajaya



DIANA SYUHADA  
MOHD AMIR

**M**ULAI Selasa lalu, Bufet Ramadan kembali lagi memeriahkan hidangan di hotel dan kafe dan bagi penduduk sekitar Putrajaya, Karyabhara The Hipster Cafe di Menara Shaftsbury mempromosikan majlis berbuka puasa yang menyediakan lebih 30 jenis hidangan dengan harga istimewa.

Pengurus Karyabhara The Hipster Cafe, **Muhammad Nur Syafiq Noor Ehsanuddin**, 26, berkata program Iftar Ramadan ini mampu memuatkan lebih kurang 150 orang pada satu masa.

"Program Iftar Ramadan ini adalah terhad kepada 150 orang dalam satu masa jadi siapa cepat dia dapat."

"Di sini juga kami turut menghidangkan lebih 30 jenis makanan, itu tidak termasuk kuih-muih dan juga jenis sup yang kita ada," katanya.

Antara tarikan utama yang ada di Karyabhara adalah *western fusion* nya iaitu lamb'egini grill yang menjanjikan daging yang lembut sehingga menjilat jari. Hidangan western yang turut disajikan adalah Chicken Grill, Fish & Chip, Mushroom Soup, Pasta Aglio Olio dan Soup & Bread.

Karyabhara The Hipster Cafe yang terletak di Presint 1 ini turut menyajikan masakan Malaysian Authentics yang

menghidangkan masakan melayu seperti Nasi Biryani Hyderabad, Asam Pedas, Lemak Cili Padi, Mee Rebus Hj Wahid, Mee Kari, Lontong dan macam-macam lagi.

Menurut Syafiq, setiap hari akan ada penambahan menu yang baru di kafe nya untuk memberi kelainan kepada setiap pengunjung yang datang.

"Setiap hari akan ada penambahan masakan tempatan yang baru dan kita akan sentiasa kemaskini masakan kita di laman Instagram."

"Menu kita akan berlainan pada setiap hari, contohnya Selasa menunya adalah pasta aglio olio esoknya kita akan tukar Bolognese, bubur dan buah-buahan juga akan berbeza jadi pengunjung yang datang pada hari keesokannya akan rasa masakan yang lain," ujarnya mengenai menu yang akan dihidangkan di program Iftar Ramadan.

Bukan itu sahaja, *Dessert Pemanis & Beverages* turut dihidangkan seperti bubur chacha, bubur pulut hitam, puding jagung, buah-buahan, tauhu bergedil serta pelbagai kuih-muih.

Selain itu, menurut Syafiq, Karyabhara juga menyediakan tiga tempat yang mempunyai



LAMB'EGINI grill sajian menjadi pilihan utama dengan dagingnya yang lembut.



ASAM pedas antara pilihan utama pengunjung.



AGLO Olio antara western fusion yang menjadi sajian utama di bufet Ramadan.

## INFO

Harga yang ditawarkan untuk Bufet Ramadan Karyabhara The Hipster Cafe adalah RM58 untuk dewasa, RM38 (kanak-kanak berumur 5-12 tahun) dan kanak-kanak yang berumur 4 tahun ke bawah adalah percuma

Imbas kod QR untuk tonton video ini.



kaki untuk sampai ke Karyabhara.

"Surau bagi lelaki dan perempuan juga disediakan di tingkat satu. Ianya adalah luas dan bersih," tambah Syafiq mengenai kemudahan yang disediakan untuk para pengunjung. WK


suasana berbeza iaitu Karyabhara The Hipster Cafe yang memberi suasana lepak di kedai hipster mampu memuatkan 60 orang dalam satu masa manakala Lanai Karya mampu memuatkan 80 orang dan juga sesuai untuk 'private iftar'.

Pengunjung juga boleh menikmati juadah di anjung air terjun yang memuatkan sehingga 30 orang.

Ujarnya pelbagai kemudahan disediakan kerana ianya terletak di dalam pusat beli-belah Menara



LEBIH 30 jenis hidangan dengan harga istimewa ditawarkan di Karyabhara The Hipster Cafe sempena Ramadan ini.



RUANG makan yang luas dan selesa untuk pengunjung.

Keistimewaan 1,300 atlet Wilayah Persekutuan

# Diskaun 50 peratus untuk alatan sukan

AINI MAWAWI

**S**ERAMAI 1,300 atlet Wilayah Persekutuan berpeluang menikmati potongan harga pembelian alatan sukan sehingga 50 peratus melalui Team Wipers Discount Card yang dilancarkan minggu lalu.

Kad diskaun yang julung kali diwujudkan oleh Majlis Sukan Negeri di Malaysia tersebut membolehkan atlet di bawah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) mendapatkan kemudahan sukan dengan harga yang jauh lebih rendah berbanding pasaran luar.

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa**, kad tersebut dapat membantu meringankan beban atlet supaya kos untuk mereka aktif dalam sukan menjadi lebih rendah kerana mendapat diskaun yang khusus.



ANNUAR

"Pemberian kad diskaun ini memberikan dorongan kepada ahli sukan selain mewujudkan rasa lebih ekskusif dalam mendapatkan harga pembelian barang sukan yang lebih murah daripada harga biasa."

"Diskaun ini adalah satu jumlah yang sangat baik. Jika orang biasa yang suka bermain bola perlu membeli sepasang kasut bola untuk setahun tetapi bagi pemain bola, mungkin mereka kena beli tiga atau empat pasang kasut dalam masa untuk satu tahun."

"Jadi, kos untuk aktif dalam sukan bukan murah segala peralatan, kemudahan sukan, pakaian sukan dan sebagainya mahal," ujar beliau sejurus merasmikan Seminar Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan Wilayah Persekutuan 2021 di sebuah hotel di Kuala Lumpur,



ANNUAR (kiri) melihat replika kad diskaun yang memberi manfaat kepada atlet.

Sabtu lalu.

Team Wipers Discount Card melalui kerjasama syarikat swasta, Paragon Vest Sdn Bhd tersebut

boleh diguna pakai apabila membeli peralatan sukan di kedai atau laman sesawang yang disenaraikan. seminar tersebut, Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Datuk Ramalan Shaheen @ Askolani, Timbalan Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Tan Sri Datuk Seri Mohamad Noor Abdul Rahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan) Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Che Roslan Che Daud dan Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Dr. Hasnul Faizal Hushin Amri.

Selain perjanjian persefahaman (MoU) bersama Paragon Vest Sdn Bhd, MSWP, turut bekerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Mahsa Universiti, KPNP Malaysia dan Persekutuan Judo Malaysia bagi laluan pendidikan dan kemahiran.

Terdahulu, atlet Wilayah Persekutuan turut menerima pelbagai kebajikan antaranya perlindungan insurans, Skim Intensif Kemenangan, bantuan perubatan dan rehabilitasi sukan serta banyak lagi. **WK**

## Kerjasama MSWP-Paragon Vest galak lebiih ramai atlet baharu

PENGEDAR pakaian sukan dan fesyen popular, Paragon Vest Sdn Bhd menjalinkan kerjasama dengan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) melalui kad diskaun, Team Wipers Discount Card.

Menurut Pengurus Pemasarannya, **Victor Tiew**, kolaborasi eksklusif tersebut bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai atlet baharu untuk bergiat aktif dalam arena sukan selain mempromosikan jenama sukan terpilih di bawah Paragon Vest Sdn Bhd.



TIEW

mana kita sedia maklum dibawahnya terdapat 1,300 atlet muda yang berpotensi tinggi.

"Peluang mendekatkan diri kepada atlet-atlet ini dengan memperkenalkan pakaian serta aksesori sukan yang bagus, secara tidak langsung dapat menggalakkan mereka untuk terus bersemangat dalam menggapai cita-cita ke peringkat yang lebih tinggi," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Menyentuh tentang diskaun sehingga 50 peratus, menurut Tiew, potongan tersebut dapat membantu meringankan beban atlet mendapatkan barang jenama berkualiti pada harga yang amat berpatutan.

"Kita mempunyai 22 buah kedai di seluruh Malaysia yang menghimpunkan jenama seperti Brooks, Kronos, Atlanta, Peak, Thermo Active selain jenama sendiri iaitu Prime yang terdiri daripada pakaian dan aksesori sukan."

"Setiap jenama mempunyai spesifik sukan tersendiri sebagai contoh, Brook untuk larian, Kronos untuk bola sementara Zoot pula jenama popular untuk sukan berbasikal," ujarnya.

Mengulas lanjut berkenaan Team Wipers Discount Card, jangka hayat kad tersebut adalah satu tahun dan akan disambung lagi atlet tersebut bernaung di bawah MSWP.

Dalam pada itu, Paragon Vest Sdn Bhd bakal membuka kedai sukan baharu bertempat di Tropicana Garden pada Mei nanti.

"Semua jenama akan dihimpukan dalam satu kedai dan ia lebih memudahkan atlet



CONTOH kad diskaun yang diberikan kepada atlet Wilayah.

mahu pun peminat jenama tersebut mendapatkan barang yang diperlukan," katanya ketika

ditemui pada majlis menandatangani perjanjian (MoU) bersama MSWP baru-baru ini. **WK**



ILUSTRASI kedai sukan, Sports Paragon yang bakal dibuka Mei ini.



9 pembentang kongsi pengalaman dalam arena sukan

# 150 jurulatih berkumpul, fokus juara SUKMA

**B**IARPUN tarikh sebenar Sukan Malaysia (SUKMA) akan datang masih menjadi tanda tanya, kontinen Wilayah Persekutuan bagaimanapun mengambil pendekatan agresif dalam penyediaan kontinen ke temasya itu nanti.

Meletakkan matlamat untuk muncul juara keseluruhan, Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) **Dr Hasnul Faizal Hushin Amri** berkata pelbagai program sedang dijalankan dan Seminar Pembangunan dan Kejurulatihan Sukan 2021 yang berlangsung selama dua hari pada hujung minggu lalu adalah bertepatan dengan matlamat yang ditetapkan.

"Kita mahu pastikan Wilayah Persekutuan kekal berada di kelompok tiga terbaik pada setiap kali SUKMA dianjurkan. Seminar yang diadakan kali ini diharap dapat membantu jurulatih untuk merancakkan lagi persiapan ke SUKMA tahun hadapan," katanya ketika menyampaikan

ucapan aluan pada Seminar Pembangunan dan Kejurulatihan Sukan 2021 yang berlangsung di sebuah hotel di ibu negara, Sabtu lalu.

Seiring dengan tema seminar iaitu 'Reach for Gold: Developing and Shaping High Performance Sports Approach for SUKMA 2020', sembilan pembentang yang berpengalaman luas dikumpulkan untuk berkongsi pengetahuan kepada kesemua 150 jurulatih yang hadir pada kali ini.

Pensyarah dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr Nur Ikhwan Mohamad membentangkan tajuk Pendidikan Kejurulatihan dan Kepentingan Dalam Pembangunan Sukan diikuti Prof Madya Dr Jeffrey Low juga dari UPSI pula dengan

## Pilih atlet yang tepat untuk kesinambungan sukan

**AINI MAWAWI**

"**PEMILIHAN** atlet perlulah berdasarkan kemahiran bukan hanya tertumpu kepada kelebihan fizikal sahaja," ujar Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr Jeffrey Low.

Menurut beliau, jurulatih perlu sedar bahawa pemilihan berdasarkan susuk tubuh badan (lebih tinggi atau berat) tidak menjamin prestasi masa depan seseorang atlet tersebut.

"Ini merupakan pengetahuan dan kefahaman kepada jurulatih supaya mereka tahu apa yang terbaik dalam menentukan siapa yang layak ataupun tidak," ujarnya sejurus membentangkan tajuk Prinsip dan Konsep: Pencarian dan Mengenal Pasti Bakat Sukan pada Seminar Pembangunan dan Kejurulatihan Sukan 2021 baru-baru ini.

Dalam masa yang sama, beliau turut menyarankan agar pemilihan bakat untuk pengkhususan sukan perlu dilakukan selepas at-



JEFFREY

let berumur 15 tahun. Ini kerana pertumbuhan seseorang berbeza disebabkan faktor fisiologi.

"Kadar pertumbuhan semasa akil baligh membezakan setiap individu. Kanak-kanak perempuan mencapai akil baligh sekitar umur 11 hingga 12 tahun berbanding dengan kanak-kanak lelaki 12 hingga 14 tahun. Sudah tentu individu yang lahir di awal tahun mencapai akil baligh lebih awal daripada yang lahir pada hujung tahun sekali gus susuk tubuh badan mereka juga lebih besar.

"Disebabkan faktor itulah pemilihan harus dilakukan terlalu awal (lingkungan umur 10 hingga 12 tahun) namun tidak salah jika jurulatih ingin memilih mereka sekadar menggalakkan penyertaan dalam aktiviti sukan yang menyeronokkan dan mengamalkan gaya hidup sihat sebelum proses pemilihan dilakukan pada usia yang lebih lanjut," ujar beliau kepada Wilayahku.

Jeffrey berkata faktor ketinggian atau kekuatan fizikal seseorang yang dilahirkan pada awal tahun



SESI soal jawab antara peserta dan pembentang.

akan jadi sama dengan seorang yang lahir pada hujung tahun selepas umur 15 hingga 16 tahun.

"Masalah pemilihan bakat atlet pada umur yang terlalu muda akan berisiko menyebabkan individu yang lahir pada hujung tahun dan mungkin berbakat tercincir sebab kekurangan dari fizikalnya sema-

sa pemilihan atlet pada usia yang muda.

"Pengkhususan terhadap sesuatu sukan seharusnya bermula apabila seseorang sudah mencapai umur 16 tahun ke atas walaupun ada setengah sukan seperti gimnastik dan terjun boleh mula pada usia yang lebih muda," kata beliau. WK

## REAKSI

"Seminar tersebut merupakan antara inisiatif MSWP dalam persediaan menghadapi SUKMA 2022 yang dijadualkan berlangsung pada tahun hadapan. Sasaran kita adalah untuk muncul juara pada kejohanan tersebut."



**DATUK RAMLAN SHAHEAN @ ASKOLANI**

Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan



"Ini adalah saat yang bagus untuk menyegarkan kembali jurulatih setelah sekian lama kita berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Seminar ini berguna kerana menghimpunkan 150 orang jurulatih dalam satu-satu masa. Jadi, kami boleh bertukar-tukar idea."

**AFRITA ARIANY NASRIL**

Jurulatih Gimrama Wilayah Persekutuan



"Banyak tajuk-tajuk yang menarik. Mungkin untuk masa akan datang setiap tajuk ini perlukan masa yang panjang sedikit untuk kupasan yang lebih mendalam. Tambahan pula ia banyak berkaitan dengan kami."

**NORSHAMIZI ISMAIL**

Jurulatih Olahraga Wilayah Persekutuan



"Ini merupakan kali pertama saya mengikuti seminar kejurulatihan sejak bergelar jurulatih. Ia banyak memberi input baharu untuk diperaktikkan kepada atlet dari segi prestasi dan sebagainya."

**NUR HAFISA ABDUL HALIL**

Jurulatih Memanah Wilayah Persekutuan



"Saya rasa bertuah kerana dapat menyertai seminar yang diadakan untuk jurulatih. Peluang baik ini saya gunakan untuk mengumpul sebanyak mana info berguna. Diharapkan untuk masa akan datang ia diadakan lagi kerana seminar seperti ini efektif kepada semua pihak."

**NORA LYANA NASTASIA NORKAMAL**

Atlet Boling



150 jurulatih berkumpul,  
fokus juara SUKMA ►► 23

Penyelesaian masalah RIBI di Kuala Lumpur

## 8 kuil terima tanah ganti

AZLAN ZAMBRY

**S**EBANYAK lapan buah kuil Hindu telah diberikan surat tawaran pendudukan tetap dan seterusnya menyelesaikan masalah berkenaan pembinaan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang dibina di atas tanah kerajaan secara tidak sah.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Santhara berkata, empat daripada kuil tersebut telah diberikan surat tawaran tersebut pada 22 Disember 2020 yang lalu.

"Empat kuil tersebut adalah Kuil Sri Muniswar Alayam di Jalan Ang Seng 6, Brickfield; Kuil Sri Maha Shandi Amman, Taman Yarl; Kuil Sri Muneeswarar di bersebelahan Lot 1822, Jalan Lorong Delapan dan Kuil Sri Nageswari Jai Muniswarar Alayam di Jalan Sungai Besi.

"Manakala Kuil Arulmigu Sri Vijaya Durgai Amman di Jalan Terolak 9 berhampiran Batu; Kuil Sri Maduraiveeran Maha Kaliyam Alayam di Jalan Fletcher' Kuil Sri Maha Veppan Kaliyamman di Jalan Metro Perdana Barat 2 dan Kuil Om Sri Maha Kali Periaci Amman, Setapak menerima surat tawaran pada Rabu lalu," katanya pada sidang media di Menara Dewan Bandaraya Kuala



SANTHARA (kiri) menyerahkan surat tawaran pendudukan tetap kepada salah seorang wakil kuil pada Rabu.

Lumpur yang turut dihadiri Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Ahmad Fairuz Mohd Yusof.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Majlis Jawatankuasa Eksekutif (MJE) RIBI yang diwujudkan pada Ogos tahun lalu bertindak sebagai pemudahcara di antara pihak Kuil dan Tokong dengan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menyelesaikan masalah berkaitan tanah tersebut.

untuk mengelakkan insiden seperti yang pernah berlaku di sebuah kuil di Seafield, Subang Jaya pada tahun 2019 yang lalu.

Dr Santhara juga Pengurus Majlis Jawatankuasa Eksekutif (MJE) Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang diwujudkan kementeriannya berkata, antara cabaran yang dihadapi pihaknya dalam menguruskan masalah RIBI atas tanah kerajaan apabila pengurusan kuil dan tokong tidak mahu berbincang untuk menyelesaikan masalah tersebut.

"Terdapat juga

pengurusan kuil walaupun tahu dia duduk atas tanah haram tetapi bertegas tidak mahu berpindah dan menuntut tanah di tempat yang sama menjadi satu lagi masalah besar dan menyukarkan kementerian.

"Malah ada rumah ibadat yang dibina untuk kepentingan diri dan keluarga sahaja yang dianggotai 10 ahli keluarga yang turut menuntut tanah ganti daripada kerajaan," katanya.

"Kita juga tidak mendapat kerjasama yang baik di antara pemilik tanah dan pengurusan kuil serta tokong selain fakta yang tidak tepat sekali gus melambatkan isu itu di bawa kepada MJE RIBI," katanya.

Justeru itu, beliau berharap agar semua persatuan agama lebih peka terhadap penubuhan rumah ibadat terutama di atas tanah kerajaan selain memohon kebenaran merancang daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Kita sentiasa menyokong usaha untuk mengekalkan keharmonian masyarakat yang berbilang kaum, dan tanah-tanah yang telah dirizabkan sebagai tapak kuil akan dikekalkan dan tidak boleh dipindahmilik atau dijual kepada pihak ketiga selepas ini" katanya. WK



KPE YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun (kiri) menyampaikan sumbangan 500 kampit beras kepada wakil pihak pengurusan Masjid Jamek Kampung Baru Isnin lalu.

## YWP sokong tradisi 100 tahun Kampung Baru

**YAYASAN** Wilayah Persekutuan (YWP) menyumbangkan 500 kampit beras kepada Pengurusan Masjid Jamek Kampung Baru untuk kegunaan memasak bubur lambuk yang terkenal itu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun, sumbangan itu bertujuan menyokong tradisi lebih 100 tahun diusahakan pengurusan masjid.

"Saya difahamkan dulu orang Kampung Baru berkumpul beramai-ramai

untuk berbuka puasa. Mereka memasak bubur lambuk dalam periuk kecil. Bagaimanapun sejak 30 tahun lalu, pihak masjid mula menggunakan periuk besar kerana mendapat sambutan menggalakkan dari penduduk Kampung Baru dan pengunjung dari luar.

"Memandangkan YWP bermastautin di Kampung Baru, maka kami berbesar hati untuk turut menyumbang beras yang merupakan bahan masakan utama dalam program ini," katanya. WK

## Jangan menipu kerana mahu rentas negeri - DJ Lin

DEEL ANJER

PENYAMPAI radio popular, DJ Lin mengaku kecewa dengan sikap tidak bertanggungjawab segelintir masyarakat yang berdegil untuk merentas negeri sehingga sanggup menipu.

Katanya, larangan merentas negeri dilaksanakan kerana kes COVID-19 belum reda selain kadar jangkitan kes yang masih tidak stabil dan kebenaran hanya diberikan dalam hal-hal penting termasuk mendapat kelulusan pihak berkuasa.

Justeru, DJ Lin menzahirkan rasa kesal dan sedih dengan sikap segelintir pihak yang sanggup memberi keterangan

palsu atau menipu hanya semata-mata mahu merentas negeri.

"Dalam keadaan kes COVID-19 yang masih membimbangkan, kita semua mestilah sentiasa berwaspada dan patuh arahan pihak kerajaan.

"Apabila kerajaan tidak benarkan merentas negeri, janganlah sesuka hati merentas. Jangan menipu dan mengambil kesempatan atas sedikit kelonggaran yang diberikan. Sikap pentingkan diri perlu dibuang.

"Ini kerana, disebabkan sikap mementingkan diri dan degil itu, orang lain ter-

palit dalam kesusaahan," luah DJ Lin atau nama sebenarnya Roslinda Abdul Majid, 45, yang popular menerusi segmen Suria Cinta di Suria FM.

Bagi DJ Lin, kerjasama semua pihak amat penting untuk memastikan kes COVID-19 terus menurun.

Katanya, usaha memerangi COVID-19 memerlukan penggembangan bersama dan bukan hanya peranan individu tetapi memerlukan kerjasama semua pihak.

Sepanjang Ramadan ini, DJ Lin juga mengajak semua peminat untuk menghayati program yang dijadualkan di Suria FM dan boleh ditonton

melalui Facebook Suria FM serta YouTube SuriaTV serta di Applikasi Suria Malaysia.

Antara program menarik adalah Akustika Ramadan Suria yang menggabungkan ramai artis popular, CSR Ramadan, Kaunter YBae PAH (Sharifah Shahirah) bersama Malaysian Relief Agency (MRA), Sirah Anbiya bersama PU Azman.

Selain itu, ada juga tazkirah dan pengumuman waktu berbuka serta imsak, peraduan menangi wang tunai, iklan raya Suria FM dan sebuah lagu raya dari Suria FM. WK



DJ LIN